

LAPORAN

KETUA AUDIT NEGARA


2018

PENGURUSAN AKTIVITI
DAN PENGURUSAN KEWANGAN
JABATAN/AGENSI NEGERI

PAHANG

SIRI 1





LAPORAN

KETUA AUDIT NEGARA

2018

**PENGURUSAN AKTIVITI
DAN PENGURUSAN KEWANGAN
JABATAN/AGENSI NEGERI**

PAHANG

SIRI 1



• KANDUNGAN

MUKA SURAT

PENDAHULUAN **vii**

INTI SARI LAPORAN **xi**

BAHAGIAN I
AKTIVITI JABATAN

JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR **3**
NEGERI PAHANG

Pengurusan Program Pemerkasaan Industri
Ruminan dan Program Pembangunan Pusat
Sumber Genetik Ternakan

BAHAGIAN II
PENGURUSAN KEWANGAN
JABATAN/AGENSI NEGERI

PENGAUDITAN PENGURUSAN KEWANGAN **47**
(INDEKS AKAUNTABILITI)

PENGAUDITAN MENGEJUT **86**

PENUTUP **99**

AKRONIM **103**



• PENDAHULUAN

PENDAHULUAN

1. Perkara 106 dan 107 Perlembagaan Persekutuan dan Akta Audit 1957 menghendaki Ketua Audit Negara mengaudit Penyata Kewangan Kerajaan Negeri, Pengurusan Kewangan dan Aktiviti Jabatan/Agensi Negeri serta pengurusan syarikat Kerajaan Negeri dan mengemukakan Laporan mengenainya kepada Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong untuk mendapatkan perkenan supaya Laporan itu dibentangkan di Dewan Rakyat. Bagi memenuhi tanggungjawab ini, Jabatan Audit Negara telah menjalankan empat (4) jenis pengauditan seperti berikut:

1.1. Pengauditan Penyata Kewangan – untuk memberi pendapat sama ada Penyata Kewangan Kerajaan Negeri dan Badan Berkanun Negeri bagi tahun berkenaan menggambarkan kedudukan kewangan yang benar dan saksama serta rekod perakaunan mengenainya telah diselenggarakan dengan teratur dan kemas kini;

1.2. Pengauditan Pematuhan – untuk menilai sama ada pengurusan kewangan Jabatan/Agensi Negeri dan Badan Berkanun Negeri dilaksanakan mengikut undang-undang dan peraturan kewangan yang berkaitan;

1.3. Pengauditan Prestasi – untuk menilai sama ada sesuatu aktiviti Kerajaan Negeri dilaksanakan dengan cekap, berhemat dan berkesan bagi mencapai objektif yang ditetapkan; dan

1.4. Pengauditan Pengurusan Syarikat Kerajaan – untuk menilai kedudukan kewangan, amalan tadbir urus dan pengurusan aktiviti syarikat Kerajaan Negeri.

2. Laporan saya mengenai Pengurusan Aktiviti dan Pengurusan Kewangan Jabatan/Agensi Negeri Pahang Tahun 2018 Siri 1 mengandungi perkara berikut:

Bahagian I : Aktiviti Jabatan

Bahagian II : Pengurusan Kewangan Jabatan/Agensi Negeri

3. Laporan ini mengandungi hasil pengauditan terhadap pengurusan aktiviti di satu (1) Jabatan. Selain itu, dilaporkan juga hasil pengauditan Pengurusan Kewangan (Indeks Akauntabiliti) yang dijalankan di 11 Jabatan/Agensi Negeri dan Pengauditan Mengejut di sembilan (9) Jabatan/Agensi Negeri. Pemerhatian Audit telah dikemukakan kepada Ketua Jabatan/Agensi Negeri yang berkenaan. Pihak pengurusan Jabatan/Agensi Negeri juga telah dimaklumkan mengenai isu yang dibangkitkan semasa *exit conference* diadakan di samping surat pengesahan diterima daripada mereka sebelum Laporan dimuktamadkan. Dalam Laporan ini hanya penemuan Audit yang penting sahaja dilaporkan untuk memaklumkan kepada *stakeholders* mengenai kelemahan yang dikesan. Bagi menambah baik kelemahan yang dibangkitkan atau mengelakkan kelemahan yang sama berulang, saya telah mengemukakan 19 syor untuk diambil tindakan oleh Jabatan/Agensi Negeri berkenaan.

4. Saya berharap laporan ini akan digunakan sebagai asas untuk memperbaiki segala kelemahan dan memantapkan usaha penambahbaikan semasa pengurusan, pemantauan atau pelaksanaan program, projek dan aktiviti Jabatan/Agensi Negeri. Di samping meningkatkan akauntabiliti dan integriti penjawat awam/pegawai/kakitangan Kerajaan Negeri, laporan ini juga diharap dapat membantu menimbulkan kesedaran melalui *lessons learnt* bagi mendapat *value for money* untuk setiap perbelanjaan yang dibuat.

5. Saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada semua pegawai Jabatan/Agensi Negeri yang telah memberikan kerjasama kepada pegawai saya sepanjang pengauditan dijalankan. Saya juga ingin melahirkan penghargaan dan terima kasih kepada semua pegawai Jabatan Audit Negara yang telah berusaha gigih serta memberikan sepenuh komitmen untuk menyiapkan laporan ini.



DATO' NIK AZMAN NIK ABDUL MAJID
Ketua Audit Negara
Malaysia

Putrajaya
24 Jun 2019



INTI SARI • LAPORAN

BAHAGIAN I - AKTIVITI JABATAN

JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR NEGERI PAHANG

1. Pengurusan Program Pemeraksanaan Industri Ruminan dan Program Pembangunan Pusat Sumber Genetik Ternakan

- a. Dasar Agro Makanan Negara (DAN) 2011-2020, Bab 5 menjelaskan salah satu strategi untuk mengembangkan industri ternakan ialah meningkatkan kecekapan industri ruminan melalui usaha meningkatkan populasi ruminan yang produktif melalui perkhidmatan pembiakbakaan yang lebih berkesan termasuk penggunaan bioteknologi pembiakan dan penglibatan aktif pihak swasta sebagai penyedia perkhidmatan pembiakbakaan, serta usaha meningkatkan pengeluaran baka berkualiti melalui penstrukturan semula sistem pembiakbakaan termasuk penggunaan ladang milik Jabatan Perkhidmatan Veterinar bagi gerompok nukleus dan penggunaan sistem integrasi dan pembiakbakaan induk bagi gerompok pengganda. Antara objektif penubuhan Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Pahang (JPVNP) ialah untuk menggalakkan pengeluaran ternakan mapan dan industri tambah nilai; meneroka, membangun dan menggalakkan penggunaan teknologi dan sumber secara optimum dalam industri berasaskan haiwan; dan menganjurkan amalan kebajikan haiwan dalam semua aspek pemeliharaan dan pengeluaran. Antara perkhidmatan yang disediakan oleh JPVNP ialah perkhidmatan pembiak baik baka ternakan melalui usaha seperti pembiak baik baka ternakan di Pusat Ternakan Haiwan atau ladang jabatan, perkhidmatan pernian beradas, perkhidmatan pemindahan embrio dan pengimportan baka terpilih. Bagi tempoh tahun 2016 hingga 2018, sejumlah RM0.55 juta peruntukan telah diluluskan di bawah belanja pembangunan RMKe-11 bagi Program Pemeraksanaan Industri Ruminan dan Program Pembangunan Pusat Sumber Genetik Ternakan (PSGT) dan sejumlah RM0.53 juta (97%) telah dibelanjakan. JPVNP hanya melaksanakan satu projek iaitu Projek Pernian Beradas (PPB) di bawah Program Pemeraksanaan Industri Ruminan. Sepanjang tempoh RMKe-10, sebanyak tiga (3) buah PSGT telah dibangunkan iaitu di Bukit Kajang, Sepayang dan Ulu Lepar bagi mengeluarkan baka ternakan yang terpilih untuk dijual atau dipinjamkan kepada penternak.

- b. Pengauditan yang dijalankan antara bulan November 2018 hingga Februari 2019 merumuskan perkara berikut:

i. Prestasi Program

Prestasi bagi program PPB bagi tempoh tahun 2016 hingga 2018 tidak mencapai sasaran kerana JPVNP hanya mampu melahirkan sembilan (9) orang atau 25.7% juru suntik berbanding sasaran 35 orang dan hanya 7,952 suntikan PPB atau 26.5% dilaksanakan oleh juru suntik berbanding sasaran 30,000 suntikan. Prestasi Program Pembangunan PSGT pula tidak mencapai objektif penubuhannya kerana tiada pengagihan baka ternakan berbanding sasaran 129 ekor. Program Pembangunan PSGT juga tidak mencapai sasaran parameter teknikal ladang iaitu jumlah kelahiran sebenar ternakan di PSGT tidak mencapai sasaran parameter kadar kelahiran iaitu jumlah kelahiran sebanyak 66 ekor atau 32.5% berbanding sasaran 203 ekor bagi tempoh tahun 2016 hingga 2018. Manakala jumlah kematian sebenar ternakan tidak melebihi parameter kadar kematian iaitu sebanyak 12 ekor atau 2.8% berbanding parameter kadar kematian iaitu sebanyak 21 ekor bagi tempoh yang sama. Selain itu, tiada sasaran tahunan bilangan kursus atau latihan kemahiran ditetapkan bagi setiap PSGT. JPVNP juga tidak menetapkan sasaran atau *Key Performance Indicator* (KPI) bagi Program PPB dan Program Pembangunan PSGT untuk membolehkan penilaian *outcome* program dilaksanakan. Bagaimanapun, kepuasan responden terhadap program PPB adalah baik kerana sebanyak 86.1% dan 97.5% responden yang menggunakan perkhidmatan PPB dan juru suntik berpuas hati dengan PPB.

ii. Pengurusan Program

Bagi aspek pengurusan program, secara keseluruhannya kecekapan program boleh dipertingkatkan daripada aspek pengurusan aktiviti PPB, pengurusan aktiviti ladang di PSGT dan pemantauan.

- iii. Penemuan utama Audit yang perlu diberikan perhatian adalah seperti berikut:

- peruntukan perbelanjaan yang diluluskan sangat terhad berbanding keperluan sebenar perbelanjaan PPB dan PSGT;
- pengurusan aktiviti PPB tidak cekap kerana kesemua juru suntik permanian beradas tidak ditauliahkan oleh Jabatan Perkhidmatan Veterinar Malaysia;

Sijil Kelahiran Anak Peranian Beradas tidak dikeluarkan; sebanyak 41 buah tangki nitrogen bernilai RM178,170 tidak mencukupi; serta sasaran bilangan kursus dan latihan berkaitan PPB kepada penternak tidak ditetapkan;

- pengurusan aktiviti ladang PSGT tidak cekap kerana berlaku keturunan sebaka (*inbreeding*) dengan penggunaan baka lembu pejantan yang sama secara berterusan; ternakan kekurangan nutrien rumput meragut dan makanan tambahan; aktiviti pembajaan padang ragut tidak dilaksanakan secara berjadual; Amalan Penternakan Baik tidak diamalkan; serta keadaan persekitaran stor makanan ternakan kurang bersih, kawalan kebakaran tidak diwujudkan dan kawalan pencegahan serangga perosak tidak dilaksanakan secara berkala;
- kuantiti penerimaan bekalan stok makanan ternakan tidak mencukupi sebanyak 535 beg/21,400 kilogram (kg) bernilai RM15,515 serta bilangan ternakan di PSGT Sepayang sebanyak 62 ekor dengan anggaran nilai jualan baka berjumlah RM31,000 tidak dapat disahkan; dan
- pemantauan kurang berkesan kerana laporan penilaian *outcome* program tidak dibentangkan dan dimaklumkan kepada pengurusan tertinggi; serta maklumat maklum balas kepuasan penternak dan juru suntik yang menggunakan perkhidmatan PPB tidak disediakan dan dianalisis.

c. Rumusan Keseluruhan Audit

Secara keseluruhannya, berdasarkan skop pengauditan, dapat dirumuskan Program PPB dan Program Pembangunan PSGT tidak dilaksanakan dengan cekap, berhemat dan berkesan. Akibatnya program ini gagal mencapai objektif yang telah ditetapkan, iaitu untuk meningkatkan populasi dan kualiti genetik ternakan lembu bagi mencapai pengeluaran daging lembu dalam negeri.

- d. Bagi memastikan kelemahan yang dibangkitkan tidak berulang dan Kerajaan mendapat *best value for money* atas perbelanjaan dilakukan, disyorkan JPVNP untuk mengambil tindakan seperti berikut:
 - i. melaksanakan penilaian *outcome* bagi memastikan peruntukan yang dibelanjakan dapat diukur keberkesanan pencapaiannya serta membuat pemantauan berkala;

- ii. menambah baik pengurusan aktiviti PPB dan aktiviti perladangan PSGT;
- iii. memastikan semua peraturan dan garis panduan serta manual panduan penternakan dipatuhi dan diguna pakai sebagai prosedur kerja Jabatan;
- iv. meningkatkan penyeliaan dan pemantauan secara berterusan dan lebih terperinci di dalam pelaksanaan program dan pengurusan kewangan selaras dengan peraturan yang ditetapkan; dan
- v. memberi latihan yang berterusan dan bersesuaian kepada pegawai yang bertanggungjawab bagi meningkatkan tahap pengetahuan serta kemahiran kerja.

BAHAGIAN II – PENGURUSAN KEWANGAN JABATAN/AGENSI NEGERI

1. Pengauditan Pengurusan Kewangan (Indeks Akauntabiliti)

- a. Pada tahun 2018, Jabatan Audit Negara telah menjalankan pengauditan pengurusan kewangan (Indeks Akauntabiliti) di 11 Jabatan/Agensi Negeri untuk menilai sama ada pengurusan kewangan telah mematuhi undang-undang dan peraturan yang berkaitan. Pengauditan ini telah menggunakan pendekatan baru iaitu berasaskan risiko dan impak. Pelaporan hanya dibuat berdasarkan prestasi pengurusan kewangan tahun 2018 sahaja tanpa perbandingan dengan prestasi tahun sebelum. Secara keseluruhannya, prestasi pengurusan kewangan bagi tahun kewangan 2018 menunjukkan empat (4) Jabatan berada pada tahap Cemerlang, lima (5) Jabatan/Agensi berada pada tahap Baik dan dua (2) Jabatan berada pada tahap Memuaskan.
- b. Jabatan/Agensi masih perlu meningkat dan memantapkan lagi kawalan dalaman pengurusan kewangan agar isu yang dibangkitkan tidak berulang serta mengurangkan risiko ketidakpatuhan yang lebih serius. Sehubungan itu, Jabatan/Agensi hendaklah mengambil tindakan penambahbaikan seperti berikut:
 - i. memastikan pengetahuan dan kemahiran pegawai yang terlibat dalam pengurusan kewangan dipertingkatkan dengan memberi latihan sewajarnya secara berterusan. Selain itu, penilaian ke atas kemahiran dan keupayaan pegawai berkenaan hendaklah dilakukan dari semasa ke semasa;

- ii. pemeriksaan secara menyeluruh dijalankan untuk menentukan sama ada kelemahan yang dibangkitkan oleh Jabatan Audit Negara juga berlaku di bahagian lain memandangkan pengauditan yang dijalankan oleh Jabatan Audit Negara adalah berdasarkan sampel dan skop yang terhad;
- iii. memastikan isu yang dibangkitkan oleh Jabatan Audit Negara dan Unit Audit Dalam diambil tindakan pembetulan dan pencegahan;
- iv. Ketua Jabatan mengambil tindakan sewajarnya terhadap pegawai yang telah dipastikan melakukan ketidakpatuhan serius sehingga menyebabkan kerugian kepada Kerajaan dan menjejaskan imej Kerajaan;
- v. berusaha mewujudkan budaya kerja berasaskan amalan terbaik untuk mengekalkan kecemerlangan tahap prestasi pengurusan kewangan. Buku Kecemerlangan Pengurusan Kewangan Daripada Perspektif Jabatan Audit Negara Edisi Kedua boleh dijadikan rujukan;
- vi. menjalankan penyeliaan yang lebih rapi terhadap kerja yang dilaksanakan oleh pegawai bawahan yang terlibat dalam pengurusan kewangan untuk memastikan peraturan Kerajaan yang ditetapkan sentiasa dipatuhi serta penglibatan secara *hands on* dalam urusan tersebut; dan
- vii. melaksanakan pusingan tugas setiap lima (5) tahun terhadap pegawai yang diberi tanggungjawab kewangan terutamanya pengurusan terimaan, perolehan serta perbelanjaan untuk memastikan tiada ruang dan peluang untuk pegawai melakukan ketidakpatuhan yang serius.

2. Pengauditan Mengejut

- a. Pengauditan Mengejut di 15 Pusat Tanggungjawab (PTJ)/Pusat Kos (PK) dan Jabatan/Agensi yang diaudit pada tahun 2018 boleh dipertingkatkan berdasarkan kepada bilangan pematuhan dalam kriteria bagi lima (5) kawalan yang diaudit iaitu kawalan terimaan, kawalan perbelanjaan, kawalan terhadap barang berharga dan kawalan umum. Bagi Jabatan, PTJ, PK atau agensi yang tidak mempunyai terimaan, skop Pengauditan Mengejut meliputi juga kawalan pengurusan kenderaan kerajaan. Ketua PTJ/PK dan Jabatan/Agensi yang berkenaan telah dimaklumkan mengenai perkara yang dibangkitkan dan tindakan penambahbaikan telah diambil seperti

meningkatkan kawalan dalaman serta memastikan peraturan kewangan yang berkuat kuasa dipatuhi.

- b. Beberapa isu yang perlu diberi perhatian serius bagi meningkatkan dan memantapkan kawalan pengurusan kewangan di PTJ/PK dan Jabatan/Agensi agar isu yang dibangkitkan tidak berulang dan mengurangkan risiko ketidakpatuhan pada masa akan datang. Sehubungan itu, semua PTJ/PK dan Jabatan/Agensi hendaklah mengambil tindakan sewajarnya seperti berikut:
 - i. semua daftar dan rekod kewangan diselenggarakan dengan lengkap dan kemas kini;
 - ii. perkara yang dibangkitkan diambil tindakan pembetulan dan pencegahan dengan segera;
 - iii. mempertingkatkan seliaan terhadap kerja yang dilakukan oleh pegawai bawahan;
 - iv. memberi latihan secara berterusan kepada pegawai yang terlibat secara langsung dalam urusan kewangan;
 - v. mengenakan tindakan punitif terhadap pegawai yang gagal melaksanakan tugas mengikut peraturan ditetapkan;
 - vi. surat penurunan kuasa diberi kepada pegawai yang memegang kunci dan nombor kombinasi peti besi selaras dengan AP 125; dan
 - vii. pemeriksaan mengejut diadakan mengikut kekerapan yang ditetapkan dan merekodkan hasil pemeriksaan dalam Daftar Pemeriksaan Mengejut selaras dengan AP 309.



BAHAGIAN I

AKTIVITI JABATAN

JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR NEGERI PAHANG

1 PENGURUSAN PROGRAM PEMERKASAAN INDUSTRI RUMINAN DAN PROGRAM PEMBANGUNAN PUSAT SUMBER GENETIK TERNAKAN

1. LATAR BELAKANG

1.1. Dasar Agro Makanan Negara (DAN) 2011-2020, Bab 5 menjelaskan salah satu strategi untuk mengembangkan industri ternakan ialah meningkatkan kecekapan industri ruminan melalui usaha meningkatkan populasi ruminan yang produktif melalui perkhidmatan pembiakbakaan yang lebih berkesan termasuk penggunaan bioteknologi pembiakan dan penglibatan aktif pihak swasta sebagai penyedia perkhidmatan pembiakbakaan, serta usaha meningkatkan pengeluaran baka berkualiti melalui penstrukturan semula sistem pembiakbakaan termasuk penggunaan ladang milik Jabatan Perkhidmatan Veterinar bagi gerompok nukleus dan penggunaan sistem integrasi dan pembiakbakaan induk bagi gerompok pengganda. Manakala Pelan Strategik dan Program Transformasi Ekonomi Negeri Pahang (PSPTENP) 2016-2020 dibangunkan selaras dengan RMKe-11 dan modul pembangunan Negara yang berpanduan kepada enam (6) Teras Utama. Salah satu strategi teras keenam ialah Merekayasa Pertumbuhan Ekonomi Untuk Peningkatan Kemakmuran dengan memodenkan sektor pertanian melalui program pemerkasaan sektor penternakan.

1.2. Antara objektif penubuhan Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Pahang (JPVNP) ialah untuk menggalakkan pengeluaran ternakan mapan dan industri tambah nilai; meneroka, membangun dan menggalakkan penggunaan teknologi dan sumber secara optimum dalam industri berasaskan haiwan; dan menganjurkan amalan kebajikan haiwan dalam semua aspek pemeliharaan dan pengeluaran. Antara perkhidmatan yang disediakan oleh JPVNP ialah perkhidmatan pembiak baik baka ternakan melalui usaha seperti pembiak baik baka ternakan di Pusat Ternakan Haiwan atau ladang jabatan, perkhidmatan permanian beradas, perkhidmatan pemindahan embrio dan pengimportan baka terpilih.

1.3. Bagi tempoh tahun 2016 hingga 2018, sejumlah RM0.55 juta peruntukan telah diluluskan di bawah belanja pembangunan RMKe-11 bagi Program Pemerkasaan Industri Ruminan dan Program Pembangunan Pusat Sumber Genetik Ternakan (PSGT) dan sejumlah RM0.53 juta atau 97% telah dibelanjakan. JPVNP hanya melaksanakan satu projek iaitu Projek Permanian Beradas (PPB) di bawah Program Pemerkasaan Industri Ruminan. Permanian Beradas (*Artificial Insemination-AI*) merupakan teknik memasukkan semen (air mani) pejantan yang telah diproses ke

dalam uterus (rahim) ternakan betina yang datang berahi dengan menggunakan peralatan suntikan permanian beradas. Antara stok semen yang disimpan oleh JPVNP ialah ternakan lembu baka seperti *Charolais*, *Limousin*, *Belgium Blue*, *Brahman*, *Nellore*, *Blonde D Aquitant*, *Kedah-Kelantan*, *Piedmontese*, *Holstein Friesien*, *Jersey*, *Simentel*, *Dorper*, *Damara*, *Barbados Blackbelly*, *Saanen*, *Alpine*, *Boer* dan *Jamnapari*.

1.4. Sepanjang tempoh RMKe-10, sebanyak tiga (3) buah PSGT telah dibangunkan iaitu di Bukit Kajang, Sepayang dan Ulu Lepar bagi mengeluarkan baka ternakan yang terpilih untuk dijual atau dipinjamkan kepada penternak seperti **Jadual 1**.

JADUAL 1
SENARAI PSGT DI NEGERI PAHANG SERTA BAKA TERNAKAN

BIL.	PSGT	KELUASAN (Ekar)	BAKA TERNAKAN
1.	Bukit Kajang	400.00	Lembu Kedah-Kelantan
2.	Sepayang	388.66	Bebiri Kacukan Malin/Barbados
3.	Ulu Lepar	258.00	Lembu Nellore/Brahman dan Lembu Kedah-Kelantan
JUMLAH		1,046.66	

Sumber: JPVNP

1.5. Bahagian Pembangunan Industri Ternakan di bawah Unit Industri Ruminan dan Pembakaan bertanggungjawab terhadap pengurusan PPB di bawah Program Pemerkasaan Industri Ruminan. Manakala, Unit Pembangunan Rizab Haiwan dan Pemakanan Ternakan bertanggungjawab terhadap pengurusan Program Pembangunan PSGT.

2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Objektif pengauditan adalah untuk menilai Projek Permanian Beradas (PPB) di bawah Program Pemerkasaan Industri Ruminan dan Program Pembangunan PSGT dilaksanakan dengan cekap, berhemat dan berkesan bagi meningkatkan populasi dan kualiti genetik ternakan lembu untuk mencapai tahap pengeluaran daging lembu dalam negeri.

3. SKOP PENGAUDITAN

3.1. Pengauditan ini meliputi dua (2) bidang utama Audit iaitu prestasi program dan pengurusan program bagi tempoh tahun 2016 hingga 2018. Prestasi PPB di bawah program pemerkasaan industri ruminan dan program pembangunan PSGT dinilai berdasarkan dua (2) perkara iaitu pencapaian output dan pencapaian *outcome*. Manakala pengurusan PPB di bawah program pemerkasaan industri ruminan dan program pembangunan PSGT pula dinilai berdasarkan empat (4) perkara iaitu

pencapaian kewangan, pengurusan aktiviti PPB, pengurusan aktiviti ladang di PSGT dan pemantauan.

3.2. Pengauditan dijalankan di JPVNP, Pejabat Perkhidmatan Veterinar Daerah (PPVD) Kuantan, Bera, Temerloh, Pekan dan Rompin serta PSGT Ulu Lepar, PSGT Bukit Kajang dan PSGT Sepayang. Bagi menilai pengurusan aktiviti PPB, lawatan fizikal Audit telah dilaksanakan terhadap 16 atau 10.6% daripada 151 orang penternak yang terlibat di daerah Kuantan, Temerloh, Bera dan Pekan. Selain itu, sebanyak 251 soal selidik diedarkan kepada juru suntik dan penternak di daerah Kuantan, Temerloh, Bera, Pekan dan Rompin. Asas pemilihan sampel adalah berdasarkan bilangan penternak yang menggunakan perkhidmatan PPB dan bilangan juru suntik di daerah yang terlibat. Bagi menilai pengurusan aktiviti di PSGT, Pemeriksaan Aset Hidup Haiwan dilaksanakan terhadap kesemua 80 dan 106 ekor lembu di PSGT Ulu Lepar dan PSGT Bukit Kajang.

4. METODOLOGI PENGAUDITAN

Pengauditan dilaksanakan dengan menyemak rekod, dokumen dan fail berkaitan serta menganalisis data. Lawatan dan pemeriksaan fizikal ke atas tiga (3) buah ladang PSGT, 16 projek ternakan dan stor alatan PPB. Perbincangan dan temu bual turut diadakan dengan pegawai yang terlibat bagi mendapatkan maklumat tambahan. Selain itu, soal selidik juga diedarkan kepada juru suntik dan penternak bagi mendapatkan maklumat balas dan pengesahan.

5. RUMUSAN AUDIT

5.1. Pengauditan yang dijalankan pada bulan November 2018 hingga Februari 2019 merumuskan perkara berikut:

5.1.1. Prestasi Program

Prestasi bagi program PPB bagi tempoh tahun 2016 hingga 2018 tidak mencapai sasaran kerana JPVNP hanya mampu melahirkan sembilan (9) orang atau 25.7% juru suntik berbanding sasaran 35 orang dan hanya 7,952 suntikan PPB atau 26.5% dilaksanakan oleh juru suntik berbanding sasaran 30,000 suntikan. Prestasi Program Pembangunan PSGT pula tidak mencapai objektif penubuhannya kerana tiada pengagihan baka ternakan berbanding sasaran 129 ekor. Program Pembangunan PSGT juga tidak mencapai sasaran parameter

teknikal ladang iaitu jumlah kelahiran sebenar ternakan di PSGT tidak mencapai sasaran parameter kadar kelahiran iaitu jumlah kelahiran sebanyak 66 ekor atau 32.5% berbanding sasaran 203 ekor bagi tempoh tahun 2016 hingga 2018. Manakala jumlah kematian sebenar ternakan tidak melebihi parameter kadar kematian iaitu sebanyak 12 ekor atau 2.8% berbanding parameter kadar kematian iaitu sebanyak 21 ekor bagi tempoh yang sama. Selain itu, tiada sasaran tahunan bilangan kursus atau latihan kemahiran ditetapkan bagi setiap PSGT. JPVNP juga tidak menetapkan sasaran atau *Key Performance Indicator* (KPI) bagi Program PPB dan Program Pembangunan PSGT untuk membolehkan penilaian *outcome* program dilaksanakan. Bagaimanapun, kepuasan responden terhadap program PPB adalah baik kerana sebanyak 86.1% dan 97.5% responden yang menggunakan perkhidmatan PPB dan juru suntik berpuas hati dengan PPB.

5.1.2. Pengurusan Program

Bagi aspek pengurusan program, secara keseluruhannya kecekapan program boleh dipertingkatkan daripada aspek pengurusan aktiviti PPB, pengurusan aktiviti ladang di PSGT dan pemantauan.

5.1.3. Penemuan utama Audit yang perlu diberikan perhatian adalah seperti berikut:

- a. peruntukan perbelanjaan yang diluluskan sangat terhad berbanding keperluan sebenar perbelanjaan PPB dan PSGT;
- b. pengurusan aktiviti PPB tidak cekap kerana kesemua juru suntik permanian beradas tidak ditauliahkan oleh Jabatan Perkhidmatan Veterinar Malaysia; Sijil Kelahiran Anak Permanian Beradas tidak dikeluarkan; sebanyak 41 buah tangki nitrogen bernilai RM178,170 tidak mencukupi; serta sasaran bilangan kursus dan latihan berkaitan PPB kepada penternak tidak ditetapkan;
- c. pengurusan aktiviti ladang PSGT tidak cekap kerana berlaku keturunan sebaka (*inbreeding*) dengan penggunaan baka lembu pejantan yang sama secara berterusan; ternakan kekurangan nutrien rumput meragut dan makanan tambahan; aktiviti pembajaan padang ragut tidak dilaksanakan secara berjadual; Amalan Penternakan Baik tidak diamalkan; serta keadaan persekitaran stor makanan ternakan kurang bersih, kawalan kebakaran tidak diwujudkan dan kawalan pencegahan serangga perosak tidak dilaksanakan secara berkala;

- d. kuantiti penerimaan bekalan stok makanan ternakan tidak mencukupi sebanyak 535 beg/21,400 kilogram (kg) bernilai RM15,515; serta bilangan ternakan di PSGT Sepayang sebanyak 62 ekor dengan anggaran nilai jualan baka berjumlah RM31,000 tidak dapat disahkan; dan
- e. pemantauan kurang berkesan kerana laporan penilaian *outcome* program tidak dibentangkan dan dimaklumkan kepada pengurusan tertinggi; serta maklumat maklum balas kepuasan penternak dan juru suntik yang menggunakan perkhidmatan PPB tidak disediakan dan dianalisis.

6. PENEMUAN TERPERINCI AUDIT

Perkara yang ditemui serta maklum balas JPVNP telah dibincangkan dalam *exit conference* pada 19 Mac 2019. Penjelasan lanjut bagi setiap penemuan yang dinyatakan dalam rumusan Audit adalah seperti perenggan berikut:

6.1. Prestasi Program

6.1.1. Pencapaian Output

a. Bilangan Juru Suntik Projek Permanian Beradas

- i. Cadangan Program Pembangunan Industri Ternakan bagi RMKe-11 menetapkan JPVNP menyasarkan 20 orang juru suntik pada tahun 2016. Manakala Sasaran Kerja Tahunan JPVNP pada tahun 2017 dan 2018 ialah untuk melahirkan 10 orang juru suntik dan lima (5) orang juru suntik. Selain itu, JPVNP juga menyasarkan untuk melengkapkan juru suntik permanian beradas dengan peralatan permanian beradas yang lengkap serta memperoleh semen daripada pejabat yang berkualiti.
- ii. Semakan Audit mendapati JPVNP hanya mampu melahirkan sembilan (9) orang atau 25.7% juru suntik berbanding sasaran 35 orang bagi tempoh tahun 2016 hingga 2018. Analisis Audit selanjutnya mendapati pada tahun 2016, seramai tiga (3) orang atau 15% juru suntik dilahirkan berbanding sasaran 20 orang. Pada tahun 2017 pula seramai lima (5) orang atau 50% juru suntik dilahirkan berbanding sasaran 10 orang. Manakala, pada tahun 2018 hanya seorang (20%) juru suntik yang dilahirkan berbanding sasaran lima (5) orang. Sehingga tahun 2018, seramai 19 orang juru suntik termasuk 10 orang juru suntik sedia ada

yang memberikan perkhidmatan permanian beradas kepada penternak kecil dan semi-komersial di negeri Pahang. Butiran lanjut adalah seperti **Jadual 2.**

JADUAL 2
PRESTASI BILANGAN JURU SUNTIK
BAHARU BAGI TEMPOH TAHUN 2016 HINGGA 2018

TAHUN	SASARAN JURU SUNTIK BAHARU (Orang)	JUMLAH SEBENAR JURU SUNTIK BAHARU (Orang)	PRESTASI BILANGAN JURU SUNTIK BAHARU BERBANDING SASARAN (%)	JUMLAH KUMULATIF JURU SUNTIK (Orang)
BILANGAN JURU SUNTIK SEHINGGA TAHUN 2015				10
2016	20	3	15.0	13
2017	10	5	50.0	18
2018	5	1	20.0	19
JUMLAH	35	9	25.7	

Sumber: JPVNP

- iii. Berdasarkan temu bual dengan pegawai JPVNP yang bertanggungjawab, sasaran tahunan juru suntik semakin berkurangan disebabkan kekangan peruntukan kewangan bagi bekalan tangki nitrogen seperti tangki induk, tangki penerima dan tangki lapangan untuk diagihkan kepada bakal juru suntik. Selain itu, prestasi bilangan juru suntik baharu adalah rendah disebabkan juru suntik yang kompeten tidak dapat dilahirkan atas faktor kekangan kewangan bagi melaksanakan program berkaitan. Ini menyebabkan PPB tidak dapat diperluaskan kepada penternak bagi meningkatkan kualiti baka ternakan di negeri Pahang.

Maklum Balas JPVNP yang Diterima pada 11 Jun 2019

Berdasarkan rekod peserta yang telah menghadiri Kursus Asas dan Kursus Lanjutan Permanian Beradas seramai 30 orang telah dilatih oleh JPVNP. Namun begitu, hanya 19 daripada 30 orang juru suntik yang aktif disebabkan bilangan set peralatan kelengkapan permanian beradas yang terhad dan mampu dibekalkan.

b. Jumlah Suntikan Projek Permanian Beradas

- i. Cadangan Program Pembangunan Industri Ternakan bagi RMKe-11 telah menyasarkan 10,000 suntikan setahun. Semakan Audit mendapati jumlah keseluruhan suntikan ialah sebanyak 7,952 atau 26.5% berbanding 30,000 sasaran suntikan bagi tempoh tahun 2016 hingga 2018. Selain itu, jumlah suntikan permanian beradas di negeri Pahang hanya

menyumbang sebanyak 3.6%, 9.9% dan 18.0% kepada keseluruhan jumlah suntikan permanian beradas di Malaysia bagi tempoh tahun 2016 hingga 2018. Butiran lanjut adalah seperti **Jadual 3**.

JADUAL 3
PENCAPAIAN JUMLAH SUNTIKAN PROJEK PERMANIAN BERADAS DI
NEGERI PAHANG BERBANDING SASARAN BAGI TEMPOH TAHUN 2016 HINGGA 2018

TAHUN	SASARAN SUNTIKAN (a)	JUMLAH SEBENAR SUNTIKAN DI NEGERI PAHANG (b)	JUMLAH SUNTIKAN DI MALAYSIA (c)	PRESTASI SUNTIKAN BERBANDING SASARAN $d=[b/a \times 100]$ (%)	PRESTASI SUNTIKAN, PPB NEGERI PAHANG $e=[b/c \times 100]$ (%)
2016	10,000	957	26,716	9.6	3.6
2017	10,000	2,623	26,530	26.2	9.9
2018	10,000	4,372	24,335	43.7	18.0
JUMLAH	30,000	7,952	-	26.5	-

Sumber: JPVNP

- ii. Semakan Audit selanjutnya mendapati tiada mekanisme pengukuran prestasi kelahiran anak PPB melalui penetapan output secara jelas oleh pihak JPVNP. Berdasarkan rekod JPVNP, sebanyak 1,951 ekor atau 24.5% kelahiran ternakan lembu hasil PPB berbanding 7,952 suntikan PPB pada tahun 2016 hingga 2018. Butiran lanjut adalah seperti **Jadual 4**.

JADUAL 4
PENCAPAIAN JUMLAH KELAHIRAN PROJEK PERMANIAN
BERADAS BERBANDING SUNTIKAN BAGI TEMPOH TAHUN 2016 HINGGA 2018

TAHUN	JUMLAH SEBENAR SUNTIKAN DI NEGERI PAHANG	JUMLAH KELAHIRAN TERNAKAN	PERATUS KELAHIRAN (%)
2016	957	122	12.7
2017	2,623	847	32.3
2018	4,372	982	22.5
JUMLAH	7,952	1,951	24.5

Sumber: JPVNP

- iii. Sasaran 10,000 suntikan setahun tidak dapat dicapai kerana peruntukan yang diterima daripada Kerajaan Negeri hanya RM50,000 setahun berbanding jumlah permohonan daripada JPVNP iaitu sejumlah RM500,000 setahun. Oleh itu, JPVNP tidak dapat menampung kos projek untuk membeli peralatan permanian beradas, semen dan *liquid* nitrogen bagi meningkatkan kualiti baka ternakan di negeri Pahang.

Maklum Balas JPVNP yang Diterima pada 14 Mac 2019

Sasaran yang tinggi ditetapkan dalam RMKe-11 selaras dengan peruntukan yang dimohon bagi PPB, walau bagaimanapun peruntukan yang diterima tidak mencukupi.

c. Agihan Baka dan Sasaran Pengeluaran Baka oleh PSGT

- i. Penetapan sasaran tahunan pengeluaran baka oleh PSGT kepada penternak di negeri Pahang berdasarkan parameter teknikal JPVNP yang menetapkan 70% daripada kelahiran 100 ekor induk lembu serta mengambil kira kadar kematian 5% dengan andaian 50% masing-masing kelahiran anak jantan dan anak betina, sebanyak 70% anak betina akan disimpan untuk tujuan pembiakan dan 30% akan diagihkan kepada penternak. Manakala bagi anak jantan, agihan akan dibuat sepenuhnya kepada penternak. Justeru itu, sasaran tahunan pengeluaran baka ternakan ialah sebanyak 43 ekor setahun dengan menggunakan 100 ekor induk. Butiran lanjut adalah seperti **Jadual 5**.

JADUAL 5
PRESTASI AGIHAN BAKA DAN SASARAN
PENGELUARAN BAKA DI PSGT BAGI TEMP OH TAHUN 2016 HINGGA 2018

TAHUN	PARAMETER KELAHIRAN (Ekor) (a = 100 EKOR x 70%)	PARAMETER KEMATIAN (Ekor) (b = ax5%)	SASARAN PENGELUARAN BAKA (Ekor)		JUMLAH SASARAN PENGELUARAN BAKA (Ekor) (e = c+d)	SASARAN AGIHAN BAKA (Ekor) [f=c+(dx30%)]	AGIHAN BAKA SEBENAR (Ekor)
			JANTAN [c = (a-b) x50%]	BETINA [d=(a-b) x50%]			
2016	70	4	33	33	66	43	0
2017	70	4	33	33	66	43	0
2018	70	4	33	33	66	43	0
JUMLAH	210	12	99	99	198	129	0

Sumber: JPVNP

Nota: Pengiraan Berdasarkan 100 Ekor Induk Ternakan Setiap Tahun

- ii. Analisis Audit mendapati sebanyak 95 ekor anak lembu atau 48% dilahirkan daripada sasaran 198 ekor yang terdiri daripada 46 ekor anak lembu betina dan 49 ekor anak lembu jantan bagi tempoh tahun 2016 hingga 2018. Namun begitu, tiada pengagihan baka ternakan kepada penternak berbanding sasaran sebanyak 129 ekor yang ditetapkan.
- iii. Keadaan ternakan *inbreeding*, kekurangan nutrien disebabkan keperluan kuantiti makanan tidak mencukupi dan mempunyai skor badan yang

rendah serta tidak mencapai standard untuk dijadikan baka menyebabkan PSGT gagal mengeluarkan baka ternakan untuk diagihkan kepada penternak. Ternakan lembu yang terjejas kualiti baka dan kekurangan nutrien adalah seperti **Gambar 1** dan **Gambar 2**.

GAMBAR 1



PSGT Bukit Kajang
- Produktiviti Baka Ternakan Lembu
Kedah-Kelantan Terjejas Kesan daripada
Inbreeding dan Kekurangan Nutrien Harian
Ternakan
(10.1.2019)

GAMBAR 2



PSGT Ulu Lepar
- Keadaan Ternakan Baka Lembu *Nellore*
yang Kurus Hingga Menampakkan Tulang
Selangka Kesan daripada *Inbreeding* dan
Kekurangan Nutrien Harian Ternakan
(17.1.2019)

Maklum Balas JPVNP yang Diterima pada 14 Mac 2019

JPVNP telah membuat permohonan pindah stok bekalan lembu pejantan melalui surat bertarikh 26 Februari 2019 kepada Bahagian Pembangunan Teknologi Ternakan, JPV Malaysia. Selain itu, pemilihan anak betina ternakan yang berumur 1.5 tahun ke atas dengan bentuk badan yang sesuai bagi menggantikan induk yang tua dan uzur.

d. Kadar Kelahiran dan Kematian Ternakan di Ladang PSGT

- i. Penetapan sasaran tahunan parameter teknikal JPVNP bagi kadar kelahiran lembu pedaging adalah sebanyak 70% (minimum) setahun dan kematian adalah sebanyak 5% (maksimum) setahun.
- ii. Semakan Audit terhadap Daftar Haiwan (KEW.AH-3), rekod kelahiran dan pengiraan fizikal Audit mendapati jumlah kelahiran sebenar ternakan di PSGT tidak mencapai sasaran parameter kadar kelahiran. Pihak Audit mendapati jumlah kelahiran sebenar adalah sebanyak 66 ekor atau 32.5% berbanding sasaran 203 ekor bagi tempoh tahun 2016 hingga 2018. Manakala jumlah kematian sebenar ternakan tidak melebihi parameter kadar kematian iaitu sebanyak 12 ekor atau 2.8% berbanding parameter kadar kematian iaitu sebanyak 21 ekor bagi tempoh yang

sama. Walau bagaimanapun, kematian ternakan bagi tahun 2016 telah melebihi parameter kadar kematian sebanyak seekor atau 16.7%. Butiran lanjut adalah seperti **Jadual 6**.

JADUAL 6
PRESTASI KELAHIRAN DAN KEMATIAN TERNAKAN DI PSGT
BERBANDING SASARAN PARAMETER TEKNIKAL BAGI TEMPOH TAHUN 2016 HINGGA 2018

TAHUN	JUMLAH KESELURUHAN TERNAKAN (a)	JUMLAH INDUK/DARA (b)	SASARAN PARAMETER KADAR KELAHIRAN MINIMUM 70% [c= 70% x b] (c)	SASARAN PARAMETER KADAR KEMATIAN TIDAK MELEBIHI 5% [d=5% X a]	JUMLAH KELAHIRAN SEBENAR (e)	JUMLAH KEMATIAN SEBENAR (f)	PERATUS KELAHIRAN BERBANDING PARAMETER [g=e/c x 100]	PERATUS KEMATIAN BERBANDING PARAMETER [h=fx100/a]
	(Ekor)						(%)	
2016	115	89	62	6	4	7	6.5	6.1
2017	129	94	66	6	* 25	1	37.9	0.8
2018	183	107	75	9	37	4	49.3	2.2
JUMLAH	-	-	203	21	66	12	32.5	2.8

Sumber: JPVNP

Nota: * - Termasuk 17 Ekor Anak Lembu Jantan yang Tidak Dapat Dikenal Pasti Tahun Kelahirannya

- iii. Keadaan ternakan yang kekurangan nutrien dan berlakunya *inbreeding* menyukarkan induk untuk melahirkan seekor anak setahun menyebabkan parameter kadar kelahiran tidak mencapai sasaran yang ditetapkan.

Maklum Balas JPVNP yang Diterima pada 14 Mac 2019

Mesyuarat Pasukan Khas PSGT Bil. 1/2019 bertarikh 7 Mac 2019 menetapkan Unit Pembiakbakaan, JPVNP akan membantu PSGT dalam pemilihan anak betina ternakan yang sesuai bagi menggantikan induk yang tidak produktif pada bulan Mac dan April 2019.

e. Pelaksanaan Latihan Kemahiran Dalam Industri Ternakan di PSGT

- i. Surat Pekeliling Am Bilangan 1 Tahun 2012 berkaitan Garis Panduan Pengukuran Pencapaian Program/Projek Pembangunan Melalui Penilaian *Outcome* dalam Perenggan 2.4.9 menjelaskan Petunjuk Prestasi Utama (KPI) dan Indikator Pencapaian (IP) merupakan bukti pencapaian yang akan digunakan untuk menyokong penemuan semasa penilaian *outcome*.
- ii. Cadangan Program Pembangunan Industri Ternakan bagi RMKe-11 JPVNP hanya menetapkan sasaran Program Pembangunan PSGT adalah

bertujuan mewujudkan latihan kemahiran dalam industri ternakan serta membantu pembiakan lembu dan kambing yang semakin berkurangan di samping mengekalkan sumber tersebut. Namun begitu, tiada ketetapan IP iaitu sasaran tahunan bilangan kursus atau latihan kemahiran bagi setiap PSGT.

- iii. Semakan Audit mendapati bagi tempoh tahun 2016 hingga 2018 sebanyak tiga (3) kursus telah dilaksanakan oleh PSGT iaitu dua (2) kursus di PSGT Bukit Kajang dan satu (1) kursus di PSGT Ulu Lepar. Butiran lanjut adalah seperti **Jadual 7**.

JADUAL 7
BILANGAN KURSUS/LATIHAN DI PSGT ULU LEPAR
DAN PSGT BUKIT KAJANG BAGI TEMPOH TAHUN 2016 HINGGA 2018

TAHUN	BILANGAN LATIHAN		JUMLAH KESELURUHAN
	PSGT BUKIT KAJANG	PSGT ULU LEPAR	
2016	1	0	1
2017	1	1	2
2018	0	0	0
JUMLAH	2	1	3

Sumber: JPVNP

- iv. Perancangan sasaran kursus di PSGT tidak ditetapkan menyebabkan objektif program pembangunan PSGT untuk meningkatkan kemahiran penternak dalam industri ternakan tidak tercapai.

Maklum Balas JPVNP yang Diterima pada 14 Mac 2019

Penganjuran kursus yang dilaksanakan tertakluk kepada peruntukan yang disalurkan oleh Bahagian Latihan dan Pembangunan Kerjaya, JPV Malaysia.

Pada pendapat Audit, secara keseluruhannya objektif PPB tidak dapat dicapai sepenuhnya dan Program Pembangunan PSGT pula gagal mencapai objektif yang ditetapkan. Perancangan yang tidak terperinci dan teratur, kelemahan pengurusan aktiviti serta pemantauan yang kurang berkesan menyebabkan sasaran tidak tercapai untuk meningkatkan populasi dan kualiti genetik ternakan lembu bagi mencapai pengeluaran daging dalam negeri.

6.1.2. Pencapaian *Outcome*

- a. Surat Pekeliling Am Bilangan 1 Tahun 2012 berkaitan Garis Panduan Pengukuran Pencapaian Program/Projek Pembangunan Melalui Penilaian *Outcome* menjelaskan penilaian *outcome* dan impak program digunakan untuk mengukur sama ada sesuatu dasar, program atau projek mencapai matlamat yang ditetapkan serta mendatangkan faedah kepada kumpulan sasar atau sebaliknya.
- b. Semakan Audit mendapati tiada bukti menunjukkan JPVNP menetapkan sebarang indikator bagi penilaian *outcome* terhadap Program PPB dan Program Pembangunan PSGT untuk menilai pencapaian objektif program.

c. Pencapaian Pengeluaran Daging Lembu bagi PPB

- i. Pengiraan tahap sara diri adalah berdasarkan pengeluaran (bekalan daging) dan keperluan negeri (populasi penduduk negeri dan penggunaan per kapita). Sasaran yang telah ditetapkan oleh PSPTENP 2016 - 2020 adalah untuk meningkatkan Tahap Sara Diri (*Self Sufficient Level-SSL*) daging sebanyak 30% menjelang tahun 2020 dengan mengambil kira keseluruhan pengeluaran (bekalan daging) meliputi semua kaedah pembiakbakaan.
- ii. Semakan Audit mendapati pencapaian tahap sara diri (SSL) di negeri Pahang komoditi daging lembu/kerbau telah mencapai sasaran yang ditetapkan oleh PSPTENP mulai tahun 2016 iaitu empat (4) tahun lebih awal iaitu melebihi 30%. Pencapaian tahap sara diri bagi komoditi daging lembu/kerbau bagi tahun 2016, 2017 dan 2018 adalah pada kadar 37.4%, 36.5% dan 37.9%. Butiran lanjut adalah seperti **Jadual 8**.

JADUAL 8
PENCAPAIAN TAHAP SARA DIRI (SSL)
KOMODITI DAGING LEMBU/KERBAU BAGI TEMPOH TAHUN 2016 HINGGA 2018

TAHUN	KOMODITI DAGING LEMBU/KERBAU		LEMBU/KERBAU SSL [c = a/b x 100]
	PENGELUARAN (a)	KEPERLUAN NEGERI (b)	
	(Kilogram)		(%)
2016	4,404,970	11,772,248	37.4
2017	4,384,770	12,007,693	36.5
2018	4,476,800	11,826,810	37.9
JUMLAH	13,266,540	35,606,752	37.26

Sumber: JPVNP

- iii. Namun begitu, analisis Audit mendapati pengeluaran (bekalan daging) bagi pembiakbakaan PPB hanya menyumbang sebanyak 64,885 kg (0.5%), daripada keseluruhan jumlah pengeluaran iaitu 13.27 juta kg bagi tempoh tahun 2016 hingga 2018. Butiran lanjut adalah seperti **Jadual 9**.

JADUAL 9
PENGELUARAN BEKALAN KOMODITI DAGING LEMBU/KERBAU
MENGIKUT JENIS PEMBIAKBAKAAAN BAGI TEMPOH TAHUN 2016 HINGGA 2018

PENGELUARAN DAGING	2016		2017		2018		JUMLAH	
JENIS PEMBIAKKAN	Kilogram	Peratus	Kilogram	Peratus	Kilogram	Peratus	Kilogram	Peratus
Pejantan/ Tradisional	4,400,913	99.9	4,356,601	99.4	4,444,141	99.3	13,201,655	99.5
PPB/AI	4,057	0.1	28,169	0.6	32,659	0.7	64,885	0.5
JUMLAH PENGELUARAN	4,404,970	100.0	4,384,770	100.0	4,476,800	100.0	13,266,540	100.0

Sumber: JPVNP

d. Pengukuran Tahap Kepuasan Pengguna

- i. Pihak Audit telah menyediakan borang soal selidik kepada penternak dan juru suntik yang menggunakan perkhidmatan PPB untuk mengetahui tahap kepuasan pengurusan perkhidmatan PPB yang diberikan. Tahap kepuasan ini diukur berdasarkan kepada enam (6) kriteria terhadap penternak yang menggunakan perkhidmatan PPB iaitu pengetahuan mengenai MyGAP, kandungan kursus yang diberikan, pemeriksaan daya biak, pemeriksaan kesuburan, pemeriksaan kebuntingan serta khidmat nasihat. Manakala lima (5) kriteria kepada juru suntik permanian beradas iaitu tahap kepuasan kepada peralatan (set permanian beradas, semen beku, *disposable glove* dan tangki nitrogen), kandungan kursus yang diberikan oleh JPVNP, tempoh kursus yang diberikan oleh JPVNP, kemudahan kursus semasa kursus dijalankan dan penyeliaan dan pemantauan oleh JPVNP. Kriteria ini diukur dengan skala kepuasan pengguna adalah seperti **Jadual 10** dan skor tahap kepuasan adalah seperti **Jadual 11**.

JADUAL 10
SKALA PENGUKURAN TAHAP KEPUASAN
PENTERNAK YANG MENGGUNAKAN PERKHIDMATAN PPB

SKALA	MAKSUD
Cemerlang	Sangat berpuas hati dengan pengurusan perkhidmatan PPB yang diberikan
Baik	Berpuas hati dengan pengurusan perkhidmatan PPB yang diberikan
Memuaskan	Pengurusan perkhidmatan PPB yang diberikan adalah memuaskan
Tidak Memuaskan	Tidak berpuas hati dengan pengurusan perkhidmatan PPB yang diberikan

Sumber: Jabatan Audit Negara

JADUAL 11
SKOR TAHAP KEPUASAN

SKALA	MAKSUD
Berpuas Hati	Cemerlang, Baik, Memuaskan
Kurang Berpuas Hati	Tidak Memuaskan

Sumber: Jabatan Audit Negara

- ii. Sebanyak 202 maklum balas responden yang diterima daripada 251 set borang soal selidik diedarkan kepada penternak yang menggunakan perkhidmatan PPB dan tidak menggunakan perkhidmatan PPB di lima (5) daerah iaitu daerah Kuantan, Temerloh, Rompin, Bera dan Pekan. Seramai 49 orang responden yang terlibat secara langsung dengan perkhidmatan PPB dan 10 orang responden daripadanya merupakan juru suntik. Analisis skor tahap kepuasan yang diterima daripada 49 orang responden tersebut adalah seperti **Jadual 12**.

JADUAL 12
RUMUSAN TAHAP KEPUASAN PENGGUNA MENGIKUT SKALA PENGUKURAN

BIL.	KRITERIA	TAHAP KEPUASAN							
		CEMERLANG		BAIK		MEMUASKAN		TIDAK MEMUASKAN	
		BIL.	(%)	BIL.	(%)	BIL.	(%)	BIL.	(%)
TAHAP KEPUASAN PENTERNAK YANG MENGGUNAKAN PERKHIDMATAN PPB OLEH JPVNP									
1.	Pengetahuan mengenai MyGAP	7	14.3	9	18.4	5	10.2	28	57.1
Peratus Keseluruhan (%)		42.9						57.1	
2.	Kandungan kursus yang disampaikan memenuhi kehendak penternak	17	34.7	13	26.5	14	28.6	5	10.2
Peratus Keseluruhan (%)		89.8						10.2	
3.	Pemeriksaan daya biak ternakan	19	38.8	18	36.7	10	20.4	2	4.1
Peratus Keseluruhan (%)		95.9						4.1	
4.	Pemeriksaan kesuburan	15	30.6	20	40.8	12	24.5	2	4.1
Peratus Keseluruhan (%)		95.9						4.1	
5.	Pemeriksaan kebuntingan	19	38.8	15	30.6	13	26.5	2	4.1
Peratus Keseluruhan (%)		95.9						4.1	
6.	Khidmat nasihat mengenai ternakan yang diperiksa	26	53.1	17	34.7	4	8.1	2	4.1
Peratus Keseluruhan (%)		95.9						4.1	
PERATUS KESELURUHAN TERHADAP ENAM (6) KRITERIA		86.1						13.9	
TAHAP KEPUASAN JURU SUNTIK YANG MENGGUNAKAN PERKHIDMATAN PPB OLEH JPVNP									
1.	Set Permanian Beradas	6	60.0	3	30.0	1	10.0	0	0.0
	Peratus Keseluruhan (%)	100.0						0.0	
	Semen Beku	6	60.0	3	30.0	1	10.0	0	0.0
	Peratus Keseluruhan (%)	100.0						0.0	
	Disposable Glove	7	70.0	2	20.0	1	10.0	0	0.0
	Peratus Keseluruhan (%)	100.0						0.0	
	Tangki penerima dan tangki lapangan	6	60.0	2	20.0	1	10.0	1	10.0
Peratus Keseluruhan (%)		90.0						10.0	

BIL.	KRITERIA	TAHAP KEPUASAN							
		CEMERLANG		BAIK		MEMUASKAN		TIDAK MEMUASKAN	
		BIL.	(%)	BIL.	(%)	BIL.	(%)	BIL.	(%)
2.	Kandungan kursus	3	30.0	5	50.0	1	10.0	1	10.0
Peratus Keseluruhan (%)		90.0						10.0	
3.	Tempoh kursus	4	40.0	5	50.0	1	10.0	0	0.0
Peratus Keseluruhan (%)		100.0						0.0	
4.	Kemudahan semasa kursus	3	30.0	5	50.0	2	20.0	0	0.0
Peratus Keseluruhan (%)		100.0						0.0	
5.	Penyeliaan dan pemantauan	5	50.0	3	30.0	2	20.0	0	0.0
Peratus Keseluruhan (%)		100.0						0.0	
PERATUS KESELURUHAN TERHADAP LIMA (5) KRITERIA (%)		97.5						2.5	

Sumber: Jabatan Audit Negara

iii. Hasil analisis terhadap tahap kepuasan responden mendapati perkara berikut:

- sebanyak 86.1% responden yang menggunakan PPB berpuas hati meliputi aspek pengetahuan mengenai MyGAP, kandungan kursus, pemeriksaan daya biak, pemeriksaan kesuburan, pemeriksaan kebuntingan serta khidmat nasihat.
- sebanyak 97.5% responden juru suntik berpuas hati meliputi kriteria tahap kepuasan terhadap peralatan PPB, kandungan kursus yang diberikan, tempoh kursus, kemudahan kursus, penyeliaan dan pemantauan oleh JPVNP.

Pada pendapat Audit, tanpa penetapan indikator untuk penilaian *outcome* dan KPI adalah sukar untuk menentukan sama ada Program PPB dan Program Pembangunan PSGT telah mencapai objektif yang disasarkan. Pencapaian output yang rendah berpunca daripada perancangan, pelaksanaan dan pemantauan yang lemah sehingga menjejaskan objektif program bagi meningkatkan populasi dan kualiti genetik ternakan lembu bagi mencapai pengeluaran daging lembu dalam negeri. Bagaimanapun, kepuasan responden terhadap program PPB adalah baik kerana sebanyak 86.1% dan 97.5% responden yang menggunakan perkhidmatan PPB dan juru suntik berpuas hati dengan PPB.

6.2. Pengurusan Program

6.2.1. Pencapaian Kewangan

- Kerajaan Negeri telah meluluskan peruntukan belanja pembangunan sejumlah RM200,000 untuk Projek Peranian Beradas (PPB) dan sejumlah RM350,000 untuk PSGT bagi tempoh tahun 2016 hingga 2018. Selain itu, sejumlah RM81,012 telah dipohon dan dibelanjakan melalui peruntukan perbelanjaan mengurus untuk pembelian bekalan makanan ternakan di PSGT.
- Semakan Audit mendapati bagi tempoh tahun 2016 hingga 2018, jumlah peruntukan diluluskan bagi PPB adalah hanya RM200,000 atau 13.3% berbanding RM1.5 juta yang dimohon oleh JPVNP. Manakala bagi Program Pembangunan PSGT pula, jumlah peruntukan yang diluluskan adalah hanya RM350,000 atau 5.9% berbanding RM5.9 juta yang dimohon.
- Sehingga 31 Disember 2018, sejumlah RM199,833 atau 99.9% daripada RM200,00 telah dibelanjakan bagi PPB dan sejumlah RM331,187 atau 94.6% daripada RM350,00 bagi PSGT. Semakan Audit selanjutnya mendapati peruntukan sebenar bagi PPB tidak mencukupi bagi pembelian tangki penerima dan tangki lapangan untuk dibekalkan kepada juru suntik. Butiran lanjut adalah seperti **Jadual 13**.

JADUAL 13
PRESTASI PERBELANJAAN PROGRAM PROJEK PERMANIAN
BERADAS DAN PROGRAM PSGT BAGI TEMPOH TAHUN 2016 HINGGA 2018

TAHUN	CADANGAN PERMOHONAN PERUNTUKAN (RM)	PERUNTUKAN DILULUSKAN (RM)	PERBELANJAAN (RM)	PERATUS PERBELANJAAN (%)
PROJEK PERMANIAN BERADAS (PPB)				
2016	500,000	50,000	49,840	99.7
2017	500,000	100,000	99,991	99.9
2018	500,000	50,000	50,002	100
JUMLAH	1,500,000	200,000	199,833	99.9
PEMBANGUNAN PUSAT SUMBER GENETIK TERNAKAN (PSGT)				
2016	2,056,200	50,000	49,600	99.2
2017	1,962,200	150,000	140,959	94.0
2018	1,942,200	150,000	140,628	93.8
JUMLAH	5,960,600	350,000	331,187	94.6
JUMLAH KESELURUHAN	7,460,600	550,000	531,020	96.5

Sumber: JPVNP

- d. Amaun peruntukan yang diluluskan sangat terhad berbanding keperluan sebenar perbelanjaan yang diperlukan mengakibatkan JPVNP sukar mencapai objektif Program PPB dan Pembangunan PSGT. Selain itu, Program Pembangunan PSGT tidak memaksimumkan perbelanjaan kerana perancangan tidak dibuat secara teliti.

Maklum Balas JPVNP yang Diterima pada 14 Mac 2019

PPB dan PSGT bergantung sepenuhnya kepada peruntukan yang diluluskan oleh Kerajaan Negeri Pahang dan Jabatan akan terus membuat permohonan peruntukan berdasarkan keperluan.

Pada pendapat Audit, Program PPB dan Program Pembangunan PSGT yang dilaksanakan dengan menggunakan peruntukan sumber terhad dan tidak mencukupi menyebabkan JPVNP sukar mencapai sasaran objektif program.

6.2.2. Pengurusan Aktiviti Projek Permanian Beradas (PPB)

a. Pentauliahan Juru Suntik Permanian Beradas Persendirian

- i. Seksyen 38, Akta Doktor Veterinar 1974 menetapkan sesiapa yang menjalankan aktiviti permanian beradas tanpa memiliki Sijil Pentauliahan Juru suntik Permanian Beradas Persendirian (*Do It Yourself – Artificial Insemination*) yang sah akan dikenakan penalti iaitu apabila disabitkan kesalahan kali pertama akan didenda tidak melebihi RM1,000.00 dan bagi kesalahan kali kedua atau kali kemudian, didenda tidak melebihi RM1,000.00 atau pemenjaraan selama tempoh tidak melebihi enam (6) bulan atau kedua-duanya. Surat edaran JPV bertarikh 9 November 2018 pula menetapkan antara syarat permohonan pentauliahan juru suntik permanian beradas persendirian (DIY-AI) hendaklah melakukan suntikan permanian beradas sekurang-kurangnya pada 10 ekor lembu betina (di bawah pemantauan JPV) dan mencapai kadar kejayaan suntikan dengan peratus kebuntingan minimum sebanyak 40% dalam tempoh percubaan enam (6) hingga 12 bulan. Selain itu, pemohon hendaklah menghadiri Kursus Pentauliahan Juru Suntik Permanian Beradas anjuran JPV di Institut Veterinar Malaysia.

- ii. Sehingga tarikh pengauditan, didapati kesemua 19 orang juru suntik permanian beradas yang terdiri daripada lima (5) orang kakitangan JPVNP dan 14 orang juru suntik persendirian yang dilatih/diselia oleh JPVNP masih belum ditauliahkan oleh Jabatan Perkhidmatan Veterinar dan masih belum menghadiri Kursus Pentauliahan Juru Suntik Permanian Beradas walaupun telah mencapai kadar kejayaan suntikan dengan peratus kebuntingan minimum sebanyak 40%. Pihak Audit juga mendapati 17 orang juru suntik bagi lima (5) syarikat tenusu di negeri Pahang tidak dipantau dan ditauliahkan oleh JPVNP.
- iii. Pentauliahan juru suntik Permanian Beradas Persendirian masih belum dilaksanakan kerana proses kerja JPVNP tidak menjelaskan keperluan pentauliahan juru suntik permanian beradas dan seterusnya menyebabkan pelanggaran kepada undang-undang berkuat kuasa.

Maklum Balas JPVNP yang Diterima pada 14 Mac 2019

Pentauliahan kepada juru suntik persendirian akan dilaksanakan bermula pada bulan April 2019 selaras dengan keputusan Minit Mesyuarat Penyelarasan Pemiakbakaan Ternakan di Lapangan Bersama Jawatankuasa Amalan Majlis Veterinar Malaysia pada bulan Februari 2019.

Pada pendapat Audit, kelemahan dalam pelaksanaan pentauliahan juru suntik permanian beradas disebabkan *standard operating procedure* tidak disediakan dan ini jelas tidak mematuhi Akta Doktor Veterinar 1974.

b. Pendaftaran Kelahiran Anak Permanian Beradas

- i. Berdasarkan myPortfolio bagi Proses Kerja untuk Tugas Pendaftaran Anak Permanian Beradas menjelaskan kelahiran anak daripada lembu betina yang bunting melalui permanian beradas hendaklah dilaporkan ke Pejabat Veterinar Daerah dan direkodkan di dalam Borang Rekod Permanian Beradas dan dihantar ke Institut Biodiversiti Veterinar Kebangsaan untuk diperakukan. Seterusnya penternak yang berjaya akan menerima Sijil Kelahiran Anak Permanian Beradas. Antara kepentingan sijil ini adalah

untuk mengesahkan hak milik ternakan dan memastikan jenis baka ternakan hasil permanian beradas.

- ii. Semakan Audit mendapati tiada Sijil Kelahiran Anak Permanian Beradas dikeluarkan kepada penternak bagi merekodkan kelahiran anak hasil daripada PPB sebanyak 1,951 ekor bagi tempoh tahun 2016 hingga 2018. Selain itu, pihak Audit tidak dapat menganalisis prestasi kelahiran rekod kelahiran anak hasil daripada PPB yang menggunakan stok semen yang dikeluarkan oleh JPVNP sebanyak 2,501 kerana rekod yang diselenggarakan tidak lengkap dengan maklumat yang berkaitan. Butiran lanjut adalah seperti **Jadual 14**.

JADUAL 14
KELAHIRAN ANAK HASIL PPB TIDAK DIPERAKUKAN DAN DISIJILKAN

TAHUN	STOK SEMEN DIKELUARKAN	JUMLAH KELAHIRAN ANAK
2016	631	122
2017	824	847
2018	1,046	982
JUMLAH	2,501	1,951

Sumber: JPVNP

- iii. Pendaftaran anak ternakan permanian beradas tidak dilaksanakan kerana pemantauan dan penyeliaan terhadap juru suntik oleh JPVNP tidak dibuat secara teliti dan rekod yang diselenggarakan oleh juru suntik tidak lengkap. Keadaan ini menyebabkan JPVNP tidak dapat mengukur prestasi kelahiran anak permanian beradas.

Maklum Balas JPVNP yang Diterima pada 14 Mac 2019

Kelahiran anak permanian beradas akan didaftarkan sekiranya terdapat permohonan daripada penternak. Merujuk kepada Minit Mesyuarat Penyelarasan Pemiakbakaan Ternakan di Lapangan Bersama Jawatankuasa Amalan Majlis Veterinar Malaysia pada bulan Februari 2019, setiap penyelaras negeri diarahkan mendaftarkan kelahiran anak permanian beradas ke Institut Biodiversiti Veterinar Kebangsaan (IBVK) supaya IBVK dapat mengeluarkan Sijil Anak Permanian Beradas.

Pada pendapat Audit, pemantauan dan penyelenggaraan rekod yang tidak cekap menyebabkan pendaftaran anak ternakan hasil PPB tidak dilaksanakan dan penternak yang berjaya tidak dapat menerima Sijil Kelahiran Anak Peranian Beradas.

c. Aset Peralatan PPB

- i. Cadangan Program Pembangunan Industri Ternakan bagi RMKe-11 menetapkan JPVNP menasaskan untuk melengkapkan juru suntik peranian beradas dengan peralatan peranian beradas yang lengkap serta memperoleh semen daripada pejantan yang berkualiti. Prosedur Kerja PPB menyatakan keperluan peralatan yang lengkap bagi PPB ialah seperti stok semen, tangki induk, tangki penerima, tangki lapangan, cecair nitrogen, *polisterin*, *forsep embriotem*, *goblet* dan *kanister*.
- ii. Analisis Audit mendapati bagi tempoh tahun 2016 hingga 2018, jumlah tangki nitrogen yang disediakan adalah tidak mencukupi iaitu sebanyak 41 buah dengan anggaran kos berjumlah RM178,170 berbanding anggaran keperluan sebanyak 82 buah bagi menampung keperluan juru suntik di setiap daerah. JPVNP hanya mempunyai 41 buah tangki nitrogen iaitu terdiri daripada lapan (8) buah tangki induk, 16 buah tangki penerima dan 17 buah tangki lapangan. Butiran lanjut adalah seperti **Jadual 15**.

JADUAL 15
KEPERLUAN TANGKI NITROGEN BAGI SASARAN
JUMLAH JURU SUNTIK SERAMAI 45 ORANG PADA TAHUN 2018

TANGKI	TANGKI INDUK (33 Liter)		TANGKI PENERIMA (13.5 Liter)		TANGKI LAPANGAN (2 Liter)		JUMLAH TANGKI	
	Unit	(RM5,250/ Unit)	Unit	(RM4,950/ Unit)	Unit	(RM3,990/ Unit)	Unit	(RM)
Jumlah Tangki Sebenar	8	42,000	16	79,200	17	67,830	41	189,030
Anggaran Keperluan Tangki	15	78,750	22	108,900	45	179,550	82	367,200
JUMLAH KEKURANGAN	(7)	(36,750)	(6)	(29,700)	(28)	(111,720)	(41)	(178,170)

Sumber: JPVNP

- iii. JPVNP tidak dapat menampung keperluan tangki PPB kerana sumber kewangan terhad bagi membuat perolehan menyebabkan PPB sukar mencapai sasaran objektif program.

Pada pendapat Audit, kegagalan menyediakan keperluan peralatan yang mencukupi bagi program ini disebabkan perancangan peruntukan kewangan yang tidak cekap dan keadaan ini boleh menjejaskan produktiviti dan kualiti pernianian beradas.

d. Kursus/Latihan dan Promosi Berkaitan PPB

- i. Unit Industri Ruminan dan Pembakaan bertanggungjawab dalam menjalankan kursus/latihan dan promosi bagi perkhidmatan pembiakan di peringkat daerah dan negeri Pahang.
- ii. Semakan Audit mendapati JPVNP tidak menetapkan sasaran bilangan kursus dan latihan berkaitan PPB kepada penternak. Bagaimanapun, sebanyak tujuh (7) kursus berkaitan pernianian beradas telah dilaksanakan bagi tempoh tahun 2016 hingga 2018 yang melibatkan 161 orang peserta di kalangan kakitangan dan penternak. JPVNP hanya melaksanakan empat (4) program promosi bagi tempoh tahun 2016 hingga 2018.
- iii. Soal selidik diedarkan kepada penternak bagi mendapatkan maklum balas berkaitan dengan kursus/latihan pengurusan ladang ternakan atau penyakit lembu, kerbau dan kambing yang dianjurkan oleh JPVNP. Analisis Audit terhadap soal selidik tersebut mendapati sebanyak 29 atau 58.2% responden menghadiri kursus yang dilaksanakan manakala sebanyak 20 atau 40.8% daripada 49 responden tidak pernah menghadiri kursus yang dilaksanakan kerana tidak ditawarkan untuk berkursus. Antara cadangan penambahbaikan oleh responden adalah seperti lebih banyak kursus berkaitan pernianian beradas perlu dilaksanakan dan dibuat secara intensif kepada penternak.
- iv. Selain itu, analisis Audit terhadap soal selidik berkaitan dengan PPB di kalangan penternak yang tidak menggunakan perkhidmatan PPB mendapati 82 atau 53.6% daripada 153 orang responden mengetahui perkhidmatan PPB. Semakan Audit selanjutnya mendapati sehingga tahun 2018 hanya 151 atau 4.3% daripada 3,494 orang penternak menggunakan PPB di negeri Pahang.
- v. Semakan Audit juga mendapati penetapan sasaran bilangan kursus/latihan dan promosi tidak dijelaskan secara terperinci dalam

prosedur kerja dan garis panduan Jabatan menyebabkan penternak tidak mempunyai kesedaran dan pengetahuan serta kemahiran berkaitan PPB.

Pada pendapat Audit, pengurusan kursus/latihan dan promosi berkaitan PPB adalah kurang cekap kerana garis panduan Jabatan tidak memperincikan keperluan perkara tersebut dan keadaan ini boleh menjejaskan kesedaran dan pengetahuan serta kemahiran penternak berkaitan PPB.

6.2.3. Pengurusan Aktiviti Ladang di PSGT

a. Ternakan Lembu *Inbreeding*

- i. 1PP Tatacara Pengurusan Haiwan (TPH) AM 4.4 Perenggan 3 menetapkan Jabatan perlu menggunakan panduan pemeliharaan/manual penjagaan yang standard dengan prosedur pengurusan Haiwan. Buku Panduan Menternak Lembu Pedaging, Bab G, Kaedah Pembiakan menyatakan seekor lembu betina tidak sesuai untuk dibiakkan lagi selepas lima (5) kali beranak atau pada umur lapan (8) tahun ke atas. Lembu baka pejantan pula hendaklah ditukar setiap tiga (3) tahun sekali untuk mengelakkan *inbreeding*. *Inbreeding* bermaksud perkahwinan antara dua (2) individu darah sangat dekat iaitu ibu dengan anak, bapak dengan anak serta anak dengan anak yang akan menjejaskan kualiti baka ternakan. Selain itu, induk yang gagal melahirkan seekor anak yang sihat dalam tempoh setahun perlu ditakai/singkir. Sekiranya penternak terus menggunakan baka yang sama secara berterusan, maka akan berlaku kahwin seketurunan yang menjejaskan produktiviti ladang.
- ii. Pihak Audit mendapati lembu ternakan di PSGT Bukit Kajang dan PSGT Ulu Lepar dipelihara dengan sistem lepas bebas serta bercampur antara semua peringkat umur dan jantina di dalam *paddock* ragutan yang sama. Keadaan ini menyebabkan berlakunya penggunaan baka pejantan yang sama secara berterusan tidak ditukar/diganti dan menjejaskan produktiviti serta kualiti genetik melibatkan kelahiran 80 ekor ternakan lembu keturunan sebaka (*inbreeding*).
- iii. Semakan Audit selanjutnya terhadap Daftar Haiwan KEW.AH-3 dan daftar kelahiran ternakan di PSGT Ulu Lepar mendapati seekor pejantan (MOA/JPV/PSGTUL/HA/12/02) Baka Lembu *Nellore* yang diterima pada

bulan Jun 2012 telah menjadi pejantan kepada induk betina dengan melahirkan anak sebanyak 12 ekor bagi tempoh 2013 sehingga 2018. Manakala ternakan Baka Lembu Kedah-Kelantan sebanyak dua (2) ekor pejantan iaitu MOA/JPV/PSGTUL/HA/14/06 dan MOA/JPV/PSGTUL/HA/14/07) yang dilahirkan pada tahun 2014 di PSGT Ulu Lepar masih digunakan sebagai pejantan kepada induk yang telah melahirkan 26 ekor anak bagi tempoh 2016 sehingga 2018.

- iv. Manakala PSGT Bukit Kajang pula mempunyai seekor pejantan baka Lembu Kedah-Kelantan dilahirkan pada tahun 2010 (MOA/JPV/PSGTBK/HA/10/13-(LJP 23/10) menjadi pejantan kepada induk yang melahirkan anak sebanyak 42 ekor bagi tempoh tahun 2015 hingga 2017.
- v. Panduan pemeliharaan yang standard dengan prosedur pengurusan haiwan tidak dipatuhi kerana ia tidak dijelaskan secara terperinci dalam prosedur kerja dan garis panduan Jabatan. Di samping itu, penyeliaan dan pemantauan tidak dibuat secara teliti oleh pihak pengurusan. Ini menyebabkan produktiviti ladang telah terjejas.

Maklum Balas JPVNP yang Diterima pada 14 Mac 2019

Mesyuarat Pasukan Khas PSGT Bil. 1/2019 bertarikh 7 Mac 2019 telah menetapkan agar perancangan dibuat bagi melaksanakan PPB di kedua-dua PSGT. Selain itu, pada bulan Februari 2019, JPVNP telah mengemukakan permohonan baka pejantan Brahman dan pejantan Kedah-Kelantan untuk ditempatkan masing-masing di PSGT Ulu Lepar dan PSGT Bukit Kajang.

Pada pendapat Audit, ternakan lembu keturunan sebaka (*inbreeding*) di ladang PSGT disebabkan prosedur pengurusan haiwan tidak dipatuhi yang jelas menjejaskan produktiviti serta kualiti baka yang dihasilkan.

b. Keperluan Nutrien Harian Ternakan Lembu

- i. Buku Panduan Teknikal - Kandungan Nutrien Bahan Makanan Ternakan di Malaysia dan Panduan Pemberian Makanan Untuk Lembu dan Kambing

(2005) menyatakan rangsum makanan harian untuk lembu jantan membesar dengan purata berat 200 kg ialah rumput meragut sebanyak 19.5 kg, PKC (*Palm kernel cake, meal*) sebanyak 1.7 kg dan garam galian jilat tiada had. Manakala Buku Panduan Foder, Pastura dan Kekacang (Sebagai Makanan Ternakan) menyatakan penghasilan bahan kering bagi rumput signal (*brachiria decumbens*) ialah 20 tan/hektar/tahun dan selaput tunggal (bahan tanaman daripada tumbuhan liar) ialah lima (5) tan/hektar/tahun.

- ii. Analisis Audit mendapati bagi tempoh tahun 2016 hingga 2018, rumput meragut yang dibekalkan adalah sebanyak 4,119.39 metrik tan atau 96.5% berbanding 4,270.50 metrik tan yang diperlukan oleh PSGT Ulu Lepar dan Bukit Kajang iaitu kekurangan sebanyak 151.11 metrik tan atau 3.5%. Selain itu, didapati pembekalan PKC bagi ternakan sebanyak 78.6 metrik tan atau 21.1% dengan kos berjumlah RM51,987 berbanding 372.3 metrik tan yang sepatutnya dibekalkan iaitu kekurangan sebanyak 293.70 metrik tan atau 78.9% dengan kos berjumlah RM212,933. Butiran lanjut adalah seperti **Jadual 16**.

JADUAL 16
ANGGARAN KEPERLUAN NUTRIEN
UNTUK 200 EKOR TERNAKAN DI PSGT BAGI TAHUN 2016 HINGGA 2018

JENIS NUTRIEN	KEPERLUAN NUTRIEN SEPATUTNYA DIBEKALKAN		NUTRIEN YANG DIBEKALKAN		KURANGAN NUTRIEN	
	(Metrik Tan)	(RM)	(Metrik Tan)	(RM)	(Metrik Tan)	(RM)
Rumput Meragut	4,270.50	-	4,119.39	-	151.11	-
PKC	372.30	269,918	78.60	51,987	293.70	* 212,933

Sumber: Baucar Bayaran dan Buku Panduan Teknikal

Nota: * - Anggaran Harga PKC RM29 Bagi Setiap 40 Kilogram (kg)

- iii. Bagaimanapun, pemeriksaan fizikal Audit ke atas stor simpanan pada 19 Disember 2018 di PSGT Ulu Lepar dan 26 November 2018 di PSGT Bukit Kajang mendapati lebihan stok PKC yang masih belum digunakan sebanyak 3.12 metrik tan di PSGT Bukit Kajang dan 3.6 metrik tan di PSGT Ulu Lepar. Didapati juga rekod harian tidak diselenggarakan bagi merekodkan kuantiti dan kekerapan makanan PKC diberikan kepada ternakan.
- iv. Kekurangan rumput meragut disebabkan kawasan *paddock* ragutan yang diselenggarakan tidak dapat membekal sepenuhnya keperluan nutrisi harian ternakan. Selain itu, kekurangan nutrisi makanan tambahan PKC

disebabkan peruntukan kewangan tidak mencukupi bagi membiayai perolehan bekalan nutrien tersebut.

Maklum Balas JPVNP yang Diterima pada 14 Mac 2019

Mesyuarat Pasukan Khas PSGT Bil. 1/2019 bertarikh 7 Mac 2019 telah menetapkan agar jadual kekerapan pemberian nutrien makanan tambahan PKC akan disediakan.

Pada pendapat Audit, pengurusan nutrien harian ternakan lembu tidak dilaksanakan dengan cekap dan berkesan dan keadaan ini telah menjejaskan kesihatan serta kualiti ternakan.

c. Kawasan *Paddock* Ragutan

- i. Perenggan 5.1.1 (Pengurusan Pusingan Ragutan), Buku Panduan Menternak Lembu Pedaging Secara Integrasi di Ladang Tanaman Kekal menyatakan 100 ekor induk boleh meragut di kawasan seluas lima (5) hektar (12 ekar) selama satu hari, ternakan mesti dipindahkan ke petak berikutnya apabila ketinggian rumput kira-kira 6 inci selepas diragut serta selepas dipindahkan, penternak memeriksa kawasan yang telah diragut untuk memastikan tiada ternakan tertinggal dan membersihkan rumput yang tidak diragut.
- ii. Analisis Audit terhadap jumlah keluasan kawasan ragutan yang digunakan di PSGT Bukit Kajang dan PSGT Ulu Lepar mendapati hanya 297 ekar atau 45.1% berbanding 658 ekar kawasan ragut yang digunakan terdiri daripada 21 petak ragut (*paddock*) menyebabkan keperluan rumput meragut tidak mencukupi bagi pelaksanaan giliran petak ragut. Pada tahun 2016 hingga 2018, sejumlah RM26,350 telah dibelanjakan untuk tujuan kerja tanaman rumput di kedua-dua PSGT. Butiran lanjut adalah seperti **Jadual 17**.

JADUAL 17
KELUASAN KAWASAN *PADDOCK* RAGUTAN
YANG DIMAJUKAN DAN JENIS PASTURA YANG DITANAM

PSGT	KESELURUHAN KAWASAN RAGUTAN		KAWASAN RAGUTAN YANG DIGUNAKAN			
	<i>PADDOCK</i>	LUAS (Ekar)	<i>PADDOCK</i>	LUAS (Ekar)	JENIS PASTURA YANG DITANAM (Ekar)	
					<i>BRACHIRIA DECUMBENS</i>	RUMPUT PADANG
Bukit Kajang	12	400	10	160	75.5	84.5
Ulu Lepar	22	258	11	137	45.2	91.8
JUMLAH	34	658	21	297	120.7	176.3

Sumber: PSGT Ulu Lepar dan PSGT Bukit Kajang

- iii. Lawatan Audit pada bulan November 2018 dan Januari 2019 di PSGT Bukit Kajang dan PSGT Ulu Lepar mendapati kawasan ragutan yang tidak digunakan tidak diselenggarakan dan ditumbuhi tumbuhan lain. Selain itu, semakan Audit turut mendapati tiada rekod ragutan pusingan diselenggarakan di kedua-dua PSGT. Oleh itu, pihak Audit tidak dapat mengesahkan ternakan dipindahkan ke petak ragut berikutnya apabila ketinggian rumput kira-kira 6 inci selepas diragut dan membersihkan rumput yang tidak diragut.
- iv. Luas kawasan ragut yang diselenggarakan agak terhad dan tidak dapat membekalkan rumput meragut secukupnya bagi pelaksanaan giliran petak ragut disebabkan kekangan peruntukan kewangan, sumber manusia dan peralatan. Selain itu, rekod sistem ragutan pusingan tidak diselenggarakan kerana ia tidak dijelaskan secara terperinci dalam prosedur kerja dan garis panduan Jabatan serta penyeliaan dan pemantauan tidak dibuat secara teliti oleh pihak pengurusan. Ini menyebabkan keperluan rumput meragut tidak mencukupi dan tanaman rumput meragut kurang berkualiti.

Maklum Balas JPVNP yang Diterima pada 14 Mac 2019

Berdasarkan keputusan Mesyuarat Pasukan Khas PSGT Bil. 1/2019 bertarikh 7 Mac 2019, sebanyak 200 ekar keluasan kawasan tanah yang diperlukan untuk dipulihkan dan digunakan untuk ragutan. Sehubungan itu, rekod pusingan ragutan akan disediakan setelah *paddock* ragutan dipulihkan.

Pada pendapat Audit, pengurusan *paddock* ragutan tidak cekap kerana tiada SOP yang jelas, kelemahan pemantauan atau penyeliaan yang berkesan. Keadaan ini menjejaskan kualiti serta berat badan ternakan yang dipelihara.

d. Pengurusan Pembajaan Rumput *Paddock* Ragutan

- i. Panduan Menanam Pastura dan Foder (1987), Perenggan 9.2.2 (Pembajaan Pengurusan) menyatakan pembajaan perlu dilakukan setiap tahun dengan kadar tertentu dan boleh dilakukan sekali atau beberapa kali mengikut pilihan sendiri. Kadar pembajaan bagi jenis tanaman rumput tulen pengurusan secara ragutan yang disyorkan adalah pada kadar 150-200 kg Nitrogen (326-435 UREA) bagi setiap kg per hektar setahun. Manakala Manual Pengurusan Ladang, Perenggan B.2 (iv) (Pengurusan Pembajaan), penggunaan baja, bahan penggalak tumbuhan, *soil conditioner* dan sumber baja organik perlu direkodkan serta analisis kandungan nutrien dan logam berat di dalam baja organik hendaklah dilakukan sebelum digunakan.
- ii. Semakan Audit mendapati aktiviti pembajaan tidak dilaksanakan secara berjadual. Selain itu, tiada perolehan bekalan baja di kedua-dua PSGT bagi tempoh tahun 2016 hingga 2018 untuk memenuhi keperluan dua (2) kali aktiviti pembajaan dengan mengambil kira 150 kg dengan keluasan 297 ekar/123.75 hektar tanah yang dimajukan melibatkan anggaran sebanyak 111,375 kg baja urea dengan kos berjumlah RM322,988 (RM145/50 kg). Butiran lanjut adalah seperti **Jadual 18**.

JADUAL 18
KEPERLUAN BAJA BAGI TEMPOH TAHUN 2016 HINGGA 2018

PSGT	KELUASAN PADANG RAGUT YANG DIGUNAKAN (Ekar) (a)	KEPERLUAN BAJA BAGI TEMPOH TIGA (3) TAHUN (2 Kali Membaja Setahun)		PENGUNAAN BAJA (Kg)	BAKI DI STOR SEMASA LAWATAN AUDIT (Kg)
		[$b = (a) / 2.4$ ekar x 150kg x 3] (Kg)	[$c = (b) \times RM$ 145/50 kg]		
Bukit Kajang	160	60,000	174,000	-	1,150
Ulu Lepar	137	51,375	148,988	600	1,550
JUMLAH	297	111,375	322,988	600	2,700

Sumber: PSGT Bukit Kajang dan PSGT Ulu Lepar

- iii. Lawatan Audit pada 19 Disember 2018 di PSGT Ulu Lepar dan 27 November 2018 di PSGT Bukit Kajang mendapati baki baja yang masih

belum digunakan sebanyak 54 beg/2,700 kg yang bernilai RM7,830. Semakan Audit selanjutnya ke atas daftar stok mendapati rekod penggunaan kali terakhir adalah pada 27 April 2015 di PSGT Bukit Kajang dan pada 4 Mei 2018 di PSGT Ulu Lepar. Rekod ini menunjukkan tiada penggunaan baja di PSGT Bukit Kajang bagi tempoh tahun 2016 hingga 2018 menyebabkan tanaman rumput meragut kurang subur dan tidak dapat memenuhi keperluan mengeluarkan bekalan makanan yang bermutu tinggi kepada ternakan di ladang seperti **Gambar 3** dan **Gambar 4**.

GAMBAR 3



PSGT Bukit Kajang
- Keadaan Kawasan Ragut yang Kurang Subur dan Tidak Ditumbuhi Rumput Pastura
(26.11.2018)

GAMBAR 4



PSGT Ulu Lepar
- Keadaan Kawasan Ragut yang Kurang Subur dan Ditumbuhi dengan Tumbuhan Lain
(19.12.2018)

- iv. Selain itu, pihak Audit juga tidak dapat mengesahkan kekerapan aktiviti pembajaan di PSGT Ulu Lepar kerana tiada rekod disediakan walaupun stok baja ada digunakan dalam tahun 2017 dan 2018 berdasarkan daftar pergerakan stok. Manakala di PSGT Bukit Kajang, pihak Audit tidak dapat mengesahkan aktiviti pembajaan dilaksanakan sepanjang tempoh tahun 2016 hingga 2018 kerana tiada rekod pengeluaran stok baja urea dalam tempoh tersebut.
- v. Pembajaan kawasan tanaman rumput meragut tidak dilaksanakan secara teratur kerana peruntukan kewangan tidak mencukupi. Selain itu, rekod pembajaan tidak diselenggarakan kerana tidak dijelaskan secara terperinci dalam prosedur kerja dan garis panduan Jabatan serta penyeliaan dan pemantauan tidak dibuat secara teliti oleh pihak pengurusan. Keadaan ini menyebabkan tanah kurang subur dan tanaman rumput meragut kurang berkualiti.

Maklum Balas JPVNP yang Diterima pada 14 Mac 2019

Mesyuarat Pasukan Khas PSGT Bil. 1/2019 bertarikh 7 Mac 2019 telah menetapkan agar jadual pembajaan secara berkala setiap 3 bulan akan disediakan.

Pada pendapat Audit, pengurusan pembajaan rumput *paddock* ragutan adalah tidak cekap kerana aktiviti pembajaan tidak dilaksanakan secara berjadual, rekod pembajaan tidak diselenggara dengan baik dan pemantauan serta penyeliaan tidak dibuat secara teliti oleh pihak pengurusan. Keadaan ini menyebabkan rumput meragut yang kurang subur dan tidak dapat memenuhi keperluan mengeluarkan bekalan makanan yang bermutu tinggi kepada ternakan.

e. Amalan Penternakan Baik

- i. Amalan Penternakan Baik atau *Good Animal Husbandry Practices* (GAHP) memastikan program kesihatan ternakan dilaksanakan, makanan ternakan diurus dengan baik dan rekod ladang diselenggarakan dengan lengkap dan dikemas kini. Buku Panduan Menternak Lembu Pedaging, Perenggan F (Kawalan Kesihatan) pula menyatakan bahawa ubat cacing hendaklah diberikan 2 hingga 3 kali setahun dan ubat kutu disembur tiap-tiap dua (2) bulan sekali. Manakala menurut 1PP TPH AM 4.4: Perenggan 4 menetapkan bahawa maklumat mengenai penjagaan haiwan hendaklah direkodkan di Rekod Penjagaan dan Rawatan Haiwan (KEW.AH-7). Manakala rekod *Cow Card* perlu dikemaskinikan apabila melaksanakan program kesihatan ternakan.

ii. Pengurusan Program Kesihatan

Pihak Audit mendapati PSGT Ulu Lepar dan PSGT Bukit Kajang tidak menyediakan jadual program kesihatan tahunan. Semakan Audit selanjutnya terhadap rekod *cow card* dan KEW.AH-7 bagi tempoh tahun 2016 hingga 2018 mendapati program kesihatan seperti pemberian vaksin FMD, cacing dan timbang berat ternakan telah dijalankan sebanyak dua (2) kali pada tahun 2018 di PSGT Ulu Lepar terhadap 41 ternakan baka Lembu Kedah-Kelantan-Brahman sahaja. Pihak Audit tidak dapat mengesahkan sama ada program kesihatan telah dilaksanakan ke atas 75 ternakan baka Lembu *Nellore* kerana tiada bukti

rekod dicatatkan. PSGT Bukit Kajang pula hanya melaksanakan sekali sahaja program kesihatan seperti nyah cacing, *ivomec* dan vaksin FMD iaitu pada bulan Oktober 2018.

iii. Rekod Harian Aktiviti Ladang

Rekod Harian Aktiviti Ladang merupakan laporan berkaitan semua aktiviti yang dilaksanakan oleh pegawai dan kakitangan PSGT melibatkan pengurusan sumber manusia, pengurusan biosekeruti, pengurusan sumber ladang, pengurusan infrastruktur, program kesihatan ternakan dan amalan pertanian baik. Semakan Audit mendapati PSGT Ulu Lepar mula menyediakan rekod harian pada bulan Ogos tahun 2017. Manakala PSGT Bukit Kajang tidak menyediakan rekod harian.

iv. Rekod Pemantauan Tikus

Selain itu, semakan Audit juga mendapati rekod pemantauan tikus tidak diselenggarakan di PSGT Ulu Lepar dan PSGT Bukit Kajang.

- v. Amalan Penternakan Baik atau GAHP tidak dijelaskan secara terperinci dalam prosedur kerja dan garis panduan Jabatan serta penyeliaan dan pemantauan tidak dibuat secara teliti oleh pihak pengurusan. Selain itu, PSGT tidak membuat perancangan dan pemantauan bagi jadual kerja ladang yang berkala dan sistematik serta jadual program kesihatan. Perkara ini telah menyebabkan pengurusan ladang tidak diurus dengan cekap dan sistematik serta berlakunya pembaziran.

Maklum Balas JPVNP yang Diterima pada 14 Mac 2019

Mesyuarat Pasukan Khas PSGT Bil. 1/2019 bertarikh 7 Mac 2019 telah menetapkan agar program kesihatan berjadual, rekod harian dan rekod pemantauan tikus dilaksanakan bermula pada tahun 2019. Selain itu, kedua-dua PSGT perlu menyediakan rekod harian, mingguan, bulanan dan laporan suku tahunan.

Pada pendapat Audit, pengurusan ladang PSGT tidak cekap kerana Amalan Penternakan Baik tidak diamalkan bagi memastikan program kesihatan ternakan dilaksanakan, makanan ternakan diurus dengan baik serta rekod ladang diselenggarakan dengan lengkap dan kemas kini.

f. Penutupan Operasi Ladang PSGT Sepayang

- i. Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) pada tahun 1989 memutuskan agar PSGT Sepayang dengan keluasan 388.66 ekar dibangunkan bagi tujuan pengeluaran baka dan bibit bebiri bermutu seperti Baka Malin, *Damara Santa Ines* serta baka kacukan kepada penternak seluruh negeri Pahang.
- ii. Semakan Audit mendapati JPVNP telah mengemukakan Cadangan Penutupan PSGT Sepayang kepada Kerajaan Negeri pada 7 Februari 2017 kerana gagal memenuhi objektif penubuhannya untuk mengeluarkan baka kambing dan bebiri bermutu tinggi serta pencapaian hasil ladang yang negatif. Bagi tempoh tahun 2012 hingga 2016, didapati hasil ladang tersebut hanya terdiri daripada jualan singkir (terpaksa menjual ternakan dengan segera kerana berlaku kecemasan seperti cedera atau sakit) berjumlah RM4,082 melibatkan 65 ekor dan tiada hasil daripada jualan baka. Selain itu, belanja pengurusan dan penyenggaraan ladang PSGT melibatkan kos berjumlah RM0.74 juta bagi tempoh yang sama. Keadaan persekitaran PSGT Sepayang semasa lawatan Audit pada 7 Februari 2019 seperti **Gambar 5** dan **Gambar 6**.

GAMBAR 5



PSGT Sepayang
- Persekitaran Kandang Kambing dan Stor
Ditumbuhi Semak Samun
(7.2.2019)

GAMBAR 6



PSGT Sepayang
- Keadaan Pintu Masuk-Keluar yang Terbiar
Sehingga Tidak Menampakkan Papan Tanda
(7.2.2019)

- iii. Penutupan PSGT Sepayang berlaku kerana pengurusannya yang lemah serta penyeliaan dan pemantauan oleh pihak pengurusan menyebabkan objektif penubuhannya tidak tercapai dan menyebabkan kerugian kepada Kerajaan Negeri.

Maklum Balas JPVNP yang Diterima pada 14 Mac 2019

Mesyuarat Pasukan Khas PSGT Bil. 1/2019 bertarikh 7 Mac 2019 telah menetapkan agar cadangan PSGT Sepayang ditawarkan kepada usahawan veterinar yang berminat untuk mengusahakan ternakan ladang.

Pada pendapat Audit, pengurusan aktiviti ladang PSGT Sepayang tidak cekap sehinggakan cadangan penutupan telah dikemukakan kepada Kerajaan Negeri berikutan kegagalannya mengeluarkan baka bebiri yang bermutu kepada penternak.

g. Jentera di PSGT Tidak Ekonomik Untuk Digunakan

- i. 1PP Tatacara Pengurusan Aset (TPA) AM 2.4 Perenggan 2 menyatakan penggunaan Aset Alih untuk tujuan rasmi, mengikut fungsi sebenar seperti yang terdapat dalam manual/buku panduan pengguna dan dikendalikan oleh pegawai yang mahir dan berkelayakan.
- ii. Mengikut Garis Panduan Keselamatan dan Kesihatan Dalam Pertanian - Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Kementerian Sumber Manusia Bahagian 4 – Penggunaan Traktor Ladang yang selamat menyatakan traktor yang dilengkapi dengan 'Struktur Pelindung Berguling' (*Roll-Over Protective Structure* atau *ROPS*) atau tempat perlindungan pemandu bersama dengan tali pinggang keledar dan tempat duduk dengan penyokong belakang mungkin dapat melindungi operator daripada kecederaan dan kemalangan teruk.
- iii. Penggunaan traktor dalam kawasan ladang adalah untuk membajak tanah, membaja, menyembur racun, merumput, pengangkutan dan sebagainya. Bagaimanapun, hanya sebuah traktor dan kenderaan yang masih berfungsi ditempatkan di PSGT Bukit Kajang dan PSGT Ulu Lepar untuk mengendalikan kerja-kerja ladang yang berkeluasan 400 ekar dan 258 ekar. Selain itu, sebanyak enam (6) daripada 16 unit atau 37.5% jentera dan kelengkapan di PSGT Bukit Kajang tidak boleh digunakan dan rosak. Manakala di PSGT Ulu Lepar sebanyak 24 daripada 34 unit atau 70.6% jentera dan kelengkapan tidak boleh digunakan dan rosak.

- iv. Lawatan fizikal Audit di PSGT Bukit Kajang dan PSGT Ulu Lepar pada bulan November, Disember 2018 dan Januari 2019 mendapati keadaan kedua-dua traktor di PSGT sangat uzur untuk mengendalikan kerja-kerja di ladang. Semakan Audit terhadap Daftar Harta Modal (KEW.312) mendapati Traktor BEQ 8785 telah ditempatkan di PSGT Bukit Kajang pada 4 Januari 1999. Lawatan fizikal Audit pada 27 November 2018 juga mendapati atap traktor telah tercabut dan tayar merekah serta berisiko menimbulkan bahaya bagi pekerja yang mengendalikannya sekiranya traktor terbalik ke belakang atau terguling ketika kerja-kerja ladang sedang dilaksanakan. Manakala di PSGT Ulu Lepar, Traktor WAF 3700 baharu selesai dibaiki dengan kos penyenggaraan berjumlah RM15,675 untuk penukaran tayar dan alat ganti jentera. **Gambar 7** dan **Gambar 8** menunjukkan keadaan traktor yang uzur.

GAMBAR 7



PSGT Bukit Kajang
- Keadaan Traktor BEQ 8785 Berusia
20 Tahun yang Tercabut Atap dan Uzur
(27.11.2018)

GAMBAR 8



PSGT Ulu Lepar
- Keadaan Tempat Duduk Traktor
WAF 3700 Berusia Lebih 20 Tahun yang
Telah Rosak
(27.12.2018)

- v. Penggunaan jentera yang tidak ekonomik mengakibatkan kerja-kerja ladang sentiasa tergendala disebabkan kerosakan berulang dan kos pembaikan jentera semakin bertambah. Selain itu, risiko kemalangan bagi pekerja yang mengendalikan jentera kerana keadaan jentera yang uzur.

Pada pendapat Audit, pengurusan aset di PSGT tidak cekap kerana peruntukan penyenggaraan aset tidak diagihkan mengikut keperluan.

h. Keselamatan dan Kebersihan Stor

- i. 1 PP TPS AM 6.7 Perenggan 1 menetapkan keselamatan dan kebersihan stor yang perlu diberi perhatian oleh Ketua Jabatan dengan mematuhi Arahan Keselamatan Kerajaan seperti mempunyai sistem kawalan

keselamatan yang sesuai, mencukupi dan berkesan bagi memastikan keselamatan stor dan stok terpelihara, terhindar daripada bahaya banjir atau bahang matahari dan juga selamat daripada ancaman makhluk perosak; mempunyai sistem peredaran udara seperti pemasangan alat penghawa dingin, *exhaust fan* atau kipas angin; stor hendak digunakan untuk menyimpan stok barang-barang belum guna dan tidak dijadikan tempat penyimpanan barang-barang rosak, usang dan sebagainya. Penyelenggaraan stor dan stok hendaklah dilaksanakan dari semasa ke semasa. Manakala Garis Panduan MyGAP-Sektor Ternakan, Perenggan 7 para 7.3 (iv) menjelaskan bekalan makanan hendaklah disimpan di tempat yang bersih, kering, dan mempunyai pengudaraan yang baik dengan kaedah yang betul serta kalis makhluk perosak.

- ii. Lawatan Audit pada bulan November dan Disember 2018 di Stor Makanan Ternakan di kedua-dua PSGT mendapati keadaan persekitaran stor kurang bersih, kawalan kebakaran tidak diwujudkan dan kawalan pencegahan serangga perosak tidak dilaksanakan secara berkala. Didapati juga, keadaan stor PSGT Ulu Lepar kelihatan usang dan atap bocor. **Gambar 9** hingga **Gambar 12** menunjukkan antara contoh keadaan stor yang tidak mematuhi langkah-langkah keselamatan.

GAMBAR 9



Stor Makanan PSGT Bukit Kajang
- Persekitaran Kurang Bersih dan Stok Baja
Ditempatkan Berhampiran Dengan Stok
Makanan
(27.11.2018)

GAMBAR 10



Stor Makanan Ternakan PSGT Ulu Lepar
- Stok Makanan Ternakan yang Dimakan
oleh Tikus
(19.12.2018)

GAMBAR 11



Stor Makanan Ternakan PSGT Bukit Kajang
- Keadaan Stor yang Kurang Bersih dan
Sistem Kawalan Kebakaran Tidak
Diwujudkan
(10.1.2019)

GAMBAR 12



Stor Makanan Ternakan PSGT Ulu Lepar
- Kebocoran pada Atap Siling
(19.12.2018)

- iii. Langkah-langkah keselamatan stor tidak dilaksanakan dengan sewajarnya kerana ia tidak dijelaskan secara terperinci dalam prosedur kerja dan garis panduan Jabatan serta penyeliaan dan pemantauan tidak dibuat secara teliti oleh pihak pengurusan. Ini menyebabkan JPVNP tidak dapat mematuhi TPS bagi memastikan stok disimpan di tempat yang sesuai dan selamat serta mematuhi Arahan Keselamatan Kerajaan.

Maklum Balas JPVNP yang Diterima pada 14 Mac 2019

Berdasarkan keputusan Mesyuarat Pasukan Khas PSGT Bil. 1/2019 bertarikh 7 Mac 2019, peruntukan perbelanjaan akan dimohon bagi penyelenggaraan dan pembaikan stor serta aktiviti gotong-royong akan diadakan bagi pembersihan stor.

Pada pendapat Audit, pengurusan stor berkaitan keselamatan dan kebersihan stor tidak cekap kerana langkah-langkah keselamatan stor tidak dilaksanakan.

i. Pewartaan Rizab Haiwan PSGT

- i. Kanun Tanah Negara Seksyen 62, menetapkan mana-mana tanah Kerajaan hendaklah diwartakan bagi tujuan kegunaan awam.
- ii. Semakan Audit terhadap status tanah PSGT mendapati hanya PSGT Ulu Lepar telah diwartakan sebagai Kawasan Rizab Haiwan (Nombor Warta: 354 bertarikh 13 Oktober 1997). Manakala PSGT Bukit Kajang dan PSGT

Sepayang masih belum diwartakan sebagai Kawasan Rizab Haiwan kerana proses pewartaan rizab masih dalam tindakan Pejabat Daerah dan Tanah.

Pada pendapat Audit, kawasan rizab haiwan bagi PSGT Bukit Kajang dan PSGT Sepayang yang masih belum diwartakan menyebabkan risiko berlakunya pengambilan tanah untuk tujuan pembangunan lain.

j. Stok Makanan Ternakan

- i. Tatacara Pengurusan Stor Kerajaan AM 6.1, perenggan 8.1.2 (d) menyatakan bahawa sebagai kawalan penerimaan dan pengeluaran stok hendaklah direkodkan.
- ii. Pihak Audit mendapati terdapat perbezaan antara jumlah terimaan PKC/PKE daripada pembekal yang dilantik berbanding dengan rekod penerimaan dalam daftar stok dan Laporan Bulanan PSGT bagi tempoh tahun 2016 hingga 2018 sebanyak 535 beg/21,400 kg bernilai RM15,515. Butiran lanjut adalah seperti **Jadual 19**.

JADUAL 19
PERBEZAAN JUMLAH BEKALAN DITERIMA
DARIPADA PEMBEKAL BERBANDING DENGAN JUMLAH BEKALAN
YANG DIREKOD DI STOR BAGI TEMPOH TAHUN 2016 HINGGA 2018

TAHUN	BEKALAN SEPATUTNYA DITERIMA (Beg) (a)	BEKALAN DITERIMA BERDASARKAN REKOD PADA DAFTAR STOK DAN LAPORAN BULANAN				KURANGAN BEKALAN DITERIMA	
		PSGT BUKIT KAJANG (Beg)	PSGT ULU LEPAR (Beg)	STOR JPVNP (Beg)	JUMLAH BEKALAN SEBENAR DITERIMA (Beg) (b)	KUANTITI (40kg per Beg) (c=a-b)	AMAUN (RM) (d= c X RM29/40kg)
2016	520	300	110	35	445	75	2,175
2017	630	100	175	-	275	355	10,295
2018	805	225	225	250	700	105	3,045
JUMLAH	1,955	625	510	285	1,420	535	15,515

Sumber: Baucar Bayaran, Buku Daftar Stok PSGT Ulu Lepar dan Laporan Bulanan PSGT Bukit Kajang

- iii. Penerimaan bekalan perolehan makanan ternakan dan penyelenggaraan buku daftar stok tidak mengikut peraturan disebabkan penyeliaan dan pemantauan tidak dibuat secara teliti oleh pihak pengurusan. Perkara ini mengakibatkan berlakunya risiko kehilangan dan penyelewengan.

Pada pendapat Audit, pengurusan stor berkaitan penerimaan barang stor tidak cekap kerana terdapat perbezaan jumlah terimaan barang stor.

k. Kehilangan dan Hapus Kira Haiwan

- i. 1PP TPH AM 4.8 Perenggan 3 menjelaskan kuasa untuk meluluskan hapus kira adalah tertakluk kepada Seksyen 5 Akta Perwakilan Kuasa 1956 [Akta 358] yang berkuat kuasa dan permohonan hapus kira untuk kelulusan Perbendaharaan Malaysia hendaklah dikemukakan melalui Unit Pengurusan Aset Kementerian/Jabatan. Perenggan 4.2 pekeling yang sama pula menetapkan Ketua Jabatan hendaklah menyediakan Laporan Awal Kehilangan Haiwan (KEW.AH-27) dan membuat laporan polis bagi kehilangan haiwan yang telah berlaku di jabatan di bawah kawalannya serta melaksanakan proses hapus kira. 1PP TPH AM 4.4 Perenggan 8 dan 9 menjelaskan Haiwan yang berpenyakit atau mengalami kecederaan atau mati serta disebabkan oleh pemangsaan, bencana alam dan seumpamanya hendaklah dikemukakan kepada Ketua Jabatan untuk kelulusan dengan menggunakan Laporan Kekurangan/Sakit/Cedera/Mati (KEW.AH-9). Tindakan yang diambil hendaklah mematuhi peraturan dan garis panduan yang ditetapkan oleh Jabatan atau Pihak Berkuasa yang berkenaan; dan Daftar Haiwan (KEW.AH-3) hendaklah dikemaskinikan.
- ii. Analisis Audit terhadap Laporan Bulanan Ladang PSGT bagi tempoh tahun 2014 hingga 2018 mendapati Laporan Kekurangan/Sakit/ Cedera/Mati (KEW.AH-9) dan rekod kematian tidak disediakan dan diselenggarakan bagi kematian 28 ekor ternakan. Selain itu, rekod kelahiran dan Daftar Haiwan (KEW.AH-3) tidak diselenggarakan bagi merekodkan kelahiran sebanyak 35 ekor ternakan. Pihak Audit juga tidak dapat mengesahkan bilangan ternakan di PSGT Sepayang sebanyak 62 ekor dengan anggaran nilai jualan baka berjumlah RM31,000 (kos seekor RM500) kerana tiada dokumen sokongan seperti Perakuan Pelupusan Haiwan (KEW.AH-16), Laporan Awal Kehilangan Haiwan (KEW.AH-27), Laporan Polis dan Laporan Makmal dikemukakan untuk pengesahan Audit. Butiran lanjut adalah seperti **Jadual 20**.

JADUAL 20
ANALISIS BILANGAN TERNAKAN KAMBING DAN
BEBIRI DI PSGT SEPAYANG BAGI TEMPOH TAHUN 2014 HINGGA 2018

TAHUN	BAKI AWAL (Ekor)	KELAHIRAN (Ekor)	KEMATIAN (Ekor)	JUALAN (Ekor)	BAKI AKHIR PENGIRAAN AUDIT (Ekor)	BAKI AWAL LAPORAN BULANAN (Ekor)	PERBEZAAN BAKI PENGIRAAN AUDIT DENGAN LAPORAN BULANAN (Ekor)
2014	86	20	24	17	65	56	9
2015	65	15	4	36	40	27	13
2016	40	0	0	1	39	27	12
2017	39	TM	TM	TM	39	TM	-
2018	39	-	-	11	28	TM	28
JUMLAH		35	28	65			62

Sumber: JPVNP

Maklum Balas JPVNP yang Diterima pada 14 Mac 2019

PSGT Sepayang telah ditutup secara operasi dan telah mendapat kelulusan jualan ternakan sebanyak 11 ekor bertarikh 4 Oktober 2018.

Pada pendapat Audit, pengurusan kehilangan dan hapus kira haiwan tidak cekap kerana tidak mengikut peraturan yang berkuat kuasa.

6.2.4. Pemantauan

a. Laporan Penilaian *Outcome* Program

- i. Surat Pekeliling Am Bilangan 1 Tahun 2012 berkaitan Garis Panduan Pengukuran Pencapaian Program/Projek Pembangunan Melalui Penilaian *Outcome*, perenggan 3.10 menjelaskan laporan penilaian *outcome* sepatutnya dibentangkan dan dimaklumkan kepada pengurusan tertinggi kementerian/jabatan/agensi/sendiri.
- ii. Pihak Audit mendapati laporan penilaian *outcome* program PPB dan pembangunan PSGT tidak dibentangkan dan dimaklumkan kepada pengurusan tertinggi bagi mengukur keberkesanan program melalui mesyuarat iaitu Mesyuarat Jawatankuasa Perancangan dan Penyelarasan Jabatan (JPPJ) yang diadakan pada setiap bulan.

Pada pendapat Audit, pemantauan daripada pihak pengurusan tertinggi JPVNP kurang berkesan kerana laporan penilaian *outcome* program PPB dan pembangunan PSGT tidak dibentangkan.

b. Pemantauan Terhadap PSGT

- i. Antara deskripsi tugas Unit Rizab Haiwan dan Pemakanan Ternakan ialah menjalankan pemantauan sebanyak tiga (3) kali setahun.
- ii. Semakan Audit mendapati pemantauan lawatan PSGT dilaksanakan sekali setahun oleh Unit Rizab Haiwan dan Pemakanan Ternakan berdasarkan buku kedatangan pelawat di PSGT Bukit Kajang dan tiada rekod pemantauan lain diselenggarakan. Manakala di PSGT Ulu Lepar, pihak Audit tidak dapat mengesahkan pemantauan ada dilaksanakan atau sebaliknya kerana tiada rekod diselenggarakan. Selain itu, didapati tiada bukti semakan dibuat dengan menurunkan tanda tangan ringkas atau tarikh tindakan bagi mengesahkan tindakan yang telah diambil bagi setiap masalah yang dibangkitkan di PSGT dalam Laporan Bulanan PSGT yang dikemukakan kepada Unit Rizab Haiwan dan Pemakanan Ternakan oleh Pengelola di kedua-dua PSGT.

Maklum Balas JPVNP yang Diterima pada 14 Mac 2019

Pasukan Khas PSGT telah ditubuhkan dan mesyuarat pertama telah diadakan di PSGT Bukit Kajang pada 7 Mac 2019 bagi memantau pembangunan PSGT dan jadual lawatan secara berkala akan dilaksanakan.

Pada pendapat Audit, pemantauan terhadap PSGT kurang berkesan kerana terdapat kelemahan dalam pengurusan aktiviti ladang yang menjejaskan objektif program.

c. Analisis Maklum Balas PPB

- i. Surat Pekeliling Am Bilangan 1 Tahun 2012 berkaitan Garis Panduan Pengukuran Pencapaian Program/Projek Pembangunan Melalui Penilaian

Outcome dalam Perenggan 3.7 menjelaskan tujuan analisis data adalah untuk melihat sejauh mana keberkesanan program/projek pembangunan yang dilaksanakan mencapai objektif yang ditetapkan.

- ii. Pihak Audit mendapati tiada maklumat maklum balas kepuasan penternak yang menggunakan perkhidmatan PPB disediakan dan dianalisis untuk mengukur kepuasan penternak bagi tujuan penambahbaikan oleh JPVNP.

Pada pendapat Audit, pemantauan daripada pihak bertanggungjawab kurang berkesan kerana laporan analisis maklum balas penternak tidak disediakan serta dilaporkan bagi mengukur keberkesanan program PPB.

7. RUMUSAN KESELURUHAN AUDIT

Secara keseluruhannya, berdasarkan skop pengauditan, dapat dirumuskan Program PPB dan Program Pembangunan PSGT tidak dilaksanakan dengan cekap berhemat dan berkesan. Akibatnya program ini gagal mencapai objektif yang telah ditetapkan, iaitu untuk meningkatkan populasi dan kualiti genetik ternakan lembu bagi mencapai pengeluaran daging lembu dalam negeri.


8. SYOR AUDIT

Bagi memastikan kelemahan yang dibangkitkan tidak berulang dan Kerajaan mendapat *best value for money* atas perbelanjaan dilakukan, disyorkan JPVNP untuk mengambil tindakan seperti berikut:

- 8.1. melaksanakan penilaian *outcome* bagi memastikan peruntukan yang dibelanjakan dapat diukur keberkesanan pencapaiannya serta membuat pemantauan berkala;
- 8.2. menambah baik pengurusan aktiviti PPB dan aktiviti perladangan PSGT;
- 8.3. memastikan semua peraturan dan garis panduan serta manual panduan penternakan dipatuhi dan diguna pakai sebagai prosedur kerja Jabatan;

8.4. meningkatkan penyeliaan dan pemantauan secara berterusan dan lebih terperinci dalam pelaksanaan program dan pengurusan kewangan selaras dengan peraturan yang ditetapkan; dan

8.5. memberi latihan yang berterusan dan bersesuaian kepada pegawai yang bertanggungjawab bagi meningkatkan tahap pengetahuan serta kemahiran kerja.



BAHAGIAN II

PENGURUSAN KEWANGAN JABATAN/AGENSI NEGERI

PENGURUSAN KEWANGAN (INDEKS AKAUNTABILITI) JABATAN/AGENSI NEGERI

1 | PENGAUDITAN PENGURUSAN KEWANGAN (INDEKS AKAUNTABILITI)

1. PENDAHULUAN

1.1. Pengurusan kewangan sesebuah organisasi adalah merangkumi proses perancangan, pelaksanaan, penyelarasan, pengawalan, pemantauan dan penilaian. Proses ini perlu dilaksanakan berdasarkan dua (2) prinsip utama iaitu legaliti dan akauntabiliti. Ini bermaksud seseorang pegawai yang diberi kuasa untuk menguruskan sumber awam perlu melaksanakan tanggungjawab tersebut dengan penuh dedikasi serta mematuhi segala undang-undang dan peraturan yang berkuat kuasa. Pegawai tersebut juga bertanggungjawab untuk melaporkan pencapaiannya kepada pegawai yang mewakilkan kuasa.

1.2. Jabatan Audit Negara menjalankan pengauditan pengurusan kewangan selaras dengan Seksyen 5 dan Seksyen 6 Akta Audit 1957. Pengauditan pengurusan kewangan dilaksanakan bagi menentukan sama ada Jabatan/Agensi Negeri telah mematuhi undang-undang dan peraturan kewangan yang ditetapkan serta rekod berkaitan diselenggara dengan lengkap dan kemas kini. Pengauditan ini membolehkan Jabatan Audit Negara menilai prestasi pengurusan kewangan di Jabatan/Agensi Negeri yang diaudit dan memberi pandangan bagi menambah baik pengurusan kewangannya.

1.3. Pematuhan terhadap peraturan kewangan bagi setiap elemen kawalan utama diberikan markah bagi tujuan penarafan. Jabatan/Agensi Negeri yang mendapat tahap penarafan yang **Cemerlang** boleh dijadikan sebagai tanda aras kepada Jabatan/Agensi Negeri yang lain. Secara umumnya, penarafan sesebuah Jabatan/Agensi Negeri diberi berdasarkan markah keseluruhan seperti **Jadual 1**.

JADUAL 1
PEMARKAHAN TAHAP PRESTASI PENGURUSAN KEWANGAN

MARKAH KESELURUHAN (%)	TAHAP PRESTASI	PENARAFAN
90 hingga 100	Cemerlang	★★★★★
80 hingga 89.9	Baik	★★★★
70 hingga 79.9	Memuaskan	★★★
60 hingga 69.9	Kurang Memuaskan	★★
59.9 ke bawah	Tidak Memuaskan	★

Sumber: Jabatan Audit Negara

1.4. Penetapan Risiko Terhadap Kriteria Audit

1.4.1. Risiko adalah kebarangkalian berlakunya perkara-perkara yang tidak sepatutnya atau berlaku ketidakpatuhan terhadap peraturan kewangan yang memberi impak kepada pengurusan kewangan. Tujuan analisis risiko dan impak dilakukan terhadap isu/penemuan Audit adalah untuk memaklumkan kepada Jabatan/Agensi Negeri mengenai tahap keseriusan sesuatu isu/penemuan.

1.4.2. Ketidakpatuhan terhadap penemuan boleh menjadi indikator kepada kelemahan pengurusan kewangan di Jabatan/Agensi Negeri serta membantu pihak pengurusan atasan mengambil tindakan susulan. Skala pemarkahan bagi setiap kriteria yang diaudit dikategorikan kepada tiga (3) tahap risiko seperti **Jadual 2**.

JADUAL 2
SKALA PEMARKAHAN BERDASARKAN TAHAP RISIKO

SKALA	TAHAP RISIKO	KETERANGAN
3	Tinggi	Ketidakpatuhan yang memberi impak besar kepada kawalan dalaman organisasi serta boleh mengakibatkan berlakunya pemborosan, pembaziran, kehilangan dan penyelewengan.
2	Sederhana	Ketidakpatuhan yang memberi impak sederhana kepada pengurusan kewangan dan boleh menjejaskan operasi organisasi dalam jangka panjang.
1	Rendah	Ketidakpatuhan yang memberi impak kecil kepada pengurusan kewangan dan tidak menjejaskan operasi organisasi.

Sumber: Jabatan Audit Negara

2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan terhadap pengurusan kewangan telah dijalankan bagi tujuan berikut:

- 2.1. menilai wujudnya struktur dan sistem pengurusan kewangan yang berkesan;
- 2.2. menilai wujudnya kawalan dalaman yang berkesan terhadap pengurusan kewangan;
- 2.3. menentukan sama ada pengurusan kewangan dilaksanakan mengikut undang-undang dan peraturan yang ditetapkan; dan
- 2.4. menentukan sama ada rekod yang berkaitan diselenggarakan dengan lengkap dan kemas kini.

3. SKOP PENGAUDITAN

3.1. Bagi Jabatan Negeri, semakan Audit merangkumi lapan (8) elemen kawalan utama iaitu Kawalan Pengurusan; Kawalan Bajet; Kawalan Terimaan; Pengurusan Perolehan; Kawalan Perbelanjaan; Pengurusan Kumpulan Wang/Akaun Amanah dan Deposit; Pengurusan Aset dan Stor serta Pengurusan Kenderaan Kerajaan. Transaksi yang disemak meliputi tempoh bulan Januari sehingga Disember 2018 melibatkan lapan (8) Jabatan.

3.2. Bagi Agensi Negeri, penilaian dibuat terhadap sembilan (9) elemen kawalan utama iaitu Kawalan Pengurusan; Kawalan Bajet; Kawalan Terimaan; Pengurusan Perolehan; Kawalan Perbelanjaan; Pengurusan Kumpulan Wang Pinjaman dan Deposit; Pengurusan Aset dan Stor; Pengurusan Pelaburan dan Pinjaman serta Pengurusan Penyata Kewangan. Pengauditan telah dijalankan di tiga (3) Agensi dengan menyemak rekod dan dokumen kewangan bagi tahun 2018 serta penyata kewangan Agensi bagi tahun berakhir 31 Disember 2017.

4. METODOLOGI PENGAUDITAN

4.1. Pengauditan dijalankan berpandukan Garis Panduan Pengauditan Pengurusan Kewangan (Indeks Akauntabiliti) Berdasarkan Risiko dan *International Standards of Supreme Audit Institutions* (ISSAI) yang diterima pakai oleh negara anggota *International Organisation of Supreme Audit Institutions* (INTOSAI).

4.2. Semakan rekod dan dokumen kewangan serta pemeriksaan fizikal dan temu bual dengan pegawai terlibat juga telah diadakan bagi mengesahkan maklumat yang diperoleh untuk memperkukuhkan ketepatan penemuan Audit.

5. PENEMUAN AUDIT

5.1. Prestasi Keseluruhan

5.1.1. Bagi tahun 2018, pengauditan telah dilaksanakan terhadap 11 Jabatan/Agensi Negeri Pahang seperti **Jadual 3**.


JADUAL 3
SENARAI JABATAN/AGENSI YANG DIAUDIT

Bil.	JABATAN/AGENSI
1.	Jabatan Kerja Raya Negeri Pahang
2.	Pejabat Daerah dan Tanah Bentong
3.	Pejabat Setiausaha Kerajaan Pahang
4.	Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Pahang
5.	Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Negeri Pahang
6.	Pejabat Daerah dan Tanah Temerloh
7.	Pejabat Daerah dan Tanah Maran
8.	Pejabat Daerah dan Tanah Jerantut
9.	Lembaga Pembangunan Tioman
10.	Majlis Daerah Raub
11.	Majlis Ugama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang

Sumber: Jabatan Audit Negara

5.1.2. Secara keseluruhannya, prestasi pengurusan kewangan di 11 Jabatan/Agensi Negeri Pahang bagi tahun kewangan 2018 menunjukkan **empat (4)** Jabatan mencapai tahap **Cemerlang**, **lima (5)** Jabatan/Agensi mencapai tahap **Baik** dan **dua (2)** Jabatan berada pada tahap **Memuaskan**. Kedudukan tahap prestasi pengurusan kewangan Jabatan/Agensi bagi tahun 2018 berbanding tahun 2017 adalah seperti **Carta 1**.


CARTA 1
PRESTASI PENGURUSAN KEWANGAN
JABATAN/AGENSI BAGI TAHUN 2018 BERBANDING TAHUN 2017



Sumber: Jabatan Audit Negara

5.1.3. Pencapaian tahap prestasi pengurusan kewangan bagi 11 Jabatan/Agensi yang dinilai pada tahun 2018 adalah seperti **Carta 2**.


CARTA 2
PRESTASI PENGURUSAN KEWANGAN
JABATAN/AGENSI NEGERI PAHANG BAGI TAHUN 2018



5.2. Prestasi Jabatan/Agensi Mengikut Kawalan

5.2.1. Analisis Audit terhadap prestasi pengurusan kewangan pada tahun 2018 mengikut elemen kawalan bagi lapan (8) Jabatan Negeri mendapati empat (4) daripada lapan (8) elemen kawalan berada pada tahap **Cemerlang**, tiga (3) elemen kawalan berada pada tahap **Baik** manakala satu (1) elemen kawalan berada pada tahap **Memuaskan** seperti **Carta 3**.

CARTA 3
PRESTASI PENGURUSAN KEWANGAN
JABATAN NEGERI BAGI TAHUN 2018 MENGIKUT ELEMEN KAWALAN



Sumber: Jabatan Audit Negara


■ Cemerlang

■ Baik

■ Memuaskan

5.2.2. Analisis Audit terhadap prestasi pengurusan kewangan pada tahun 2018 mengikut elemen kawalan bagi tiga (3) Agensi Negeri pula mendapati empat (4) daripada sembilan (9) elemen kawalan berada pada tahap **Cemerlang**, dua (2) elemen kawalan berada pada tahap **Baik** dan tiga (3) elemen kawalan berada pada tahap **Memuaskan** seperti **Carta 4**.

CARTA 4
PRESTASI PENGURUSAN KEWANGAN
AGANSI NEGERI BAGI TAHUN 2018 MENGIKUT ELEMEN KAWALAN



Sumber: Jabatan Audit Negara

■ Cemerlang


■ Baik

■ Memuaskan

a. Kawalan Pengurusan

- i. Secara keseluruhannya, bagi Jabatan Negeri, enam (6) Jabatan mencapai tahap **Cemerlang** dan dua (2) Jabatan berada pada tahap **Baik** dalam Kawalan Pengurusan. Bagi Agensi Negeri, dua (2) Agensi mencapai tahap **Cemerlang** manakala satu (1) Agensi berada pada tahap **Baik**. Pencapaian Jabatan/Agensi bagi elemen Kawalan Pengurusan bagi tahun 2018 adalah seperti **Carta 5**.

CARTA 5
PENCAPAIAN KAWALAN PENGURUSAN JABATAN/AGENSI BAGI TAHUN 2018




Sumber: Jabatan Audit Negara

Cemerlang

Baik

- ii. Tahap pematuhan dan ketidakpatuhan berdasarkan risiko terhadap 28 kriteria bagi lapan (8) Jabatan dalam Kawalan Pengurusan adalah seperti **Carta 6**.


CARTA 6
TAHAP PEMATUHAN DAN KETIDAKPATUHAN BERDASARKAN RISIKO
TERHADAP 28 KRITERIA BAGI JABATAN DALAM KAWALAN PENGURUSAN



Sumber: Jabatan Audit Negara

- iii. Tahap pematuhan dan ketidakpatuhan berdasarkan risiko terhadap 51 kriteria bagi tiga (3) Agensi dalam Kawalan Pengurusan adalah seperti **Carta 7**.

CARTA 7
TAHAP PEMATUHAN DAN KETIDAKPATUHAN BERDASARKAN RISIKO
TERHADAP 51 KRITERIA BAGI AGENSI DALAM KAWALAN PENGURUSAN



Sumber: Jabatan Audit Negara

- iv. Antara kelemahan yang dikenal pasti paling kerap berlaku adalah seperti **Jadual 4**.

JADUAL 4
KELEMAHAN DALAM KAWALAN PENGURUSAN BAGI JABATAN/AGENSI

BIL.	PENEMUAN AUDIT	JABATAN/ AGENSI TERLIBAT
1.	Proses kerja berkaitan kewangan tidak lengkap dan kemas kini.	i. Pejabat Daerah dan Tanah Temerloh ii. Pejabat Daerah dan Tanah Maran iii. Pejabat Daerah dan Tanah Jerantut iv. Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Negeri Pahang
2.	Kursus/Latihan diberi tidak berkaitan dengan tugas yang dilaksanakan atau pegawai yang terlibat tidak menghadiri kursus pengurusan kewangan dalam tahun semasa.	i. Pejabat Daerah dan Tanah Maran ii. Pejabat Daerah dan Tanah Jerantut iii. Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Negeri Pahang
3.	Pemeriksaan Mengejut tidak meliputi peti besi, bilik kebal, peti wang tunai, laci atau bekas-bekas untuk menyimpan wang, setem atau barang-barang berharga.	i. Pejabat Daerah dan Tanah Bentong ii. Pejabat Daerah dan Tanah Maran iii. Pejabat Daerah dan Tanah Jerantut
4.	Senarai tugas tidak menunjukkan dengan jelas hubungan pegawai atasan, pegawai bawahan dan rakan sejawat.	i. Pejabat Daerah dan Tanah Maran ii. Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Negeri Pahang
5.	Bilangan mesyuarat Lembaga Pengarah tidak mengikut terma dan syarat	i. Lembaga Pembangunan Tioman ii. Majlis Daerah Raub

Sumber: Jabatan Audit Negara

v. Penemuan Audit yang perlu diberi perhatian oleh jabatan adalah seperti berikut:


- Arahan Perbendaharaan (AP) 309 menetapkan Ketua Jabatan hendaklah mengadakan pemeriksaan mengejut secara berkala dan tidak kurang dari sekali dalam tempoh enam (6) bulan dari tarikh terakhir pemeriksaan itu dijalankan, ke atas setiap peti besi, bilik kebal, peti wang tunai, laci atau bekas-bekas lain untuk menyimpan wang dalam jagaan seseorang pegawai dalam jabatannya yang diamanahkan dengan penyimpanan wang awam, setem atau barang-barang lain yang berharga. Hasil pemeriksaan hendaklah direkodkan dalam buku yang disimpan bagi maksud tersebut.
- Pemeriksaan mengejut yang dilaksanakan oleh tiga (3) jabatan tidak secara menyeluruh kerana tidak meliputi peti besi, bilik kebal, peti wang tunai dan bekas-bekas lain untuk menyimpan wang, setem atau barang-barang lain yang berharga.

b. Kawalan Bajet

- Secara keseluruhannya, bagi Jabatan Negeri, empat (4) Jabatan mencapai tahap **Cemerlang**, tiga (3) Jabatan berada pada tahap **Baik** dan satu (1) Jabatan pada tahap **Memuaskan** dalam Kawalan Bajet. Bagi Agensi Negeri, kesemua tiga (3) Agensi mencapai tahap


Cemerlang. Pencapaian Jabatan/Agensi bagi elemen Kawalan Bajet bagi tahun 2018 adalah seperti **Carta 8**.

CARTA 8
PENCAPAIAN KAWALAN BAJET JABATAN/AGENSI BAGI TAHUN 2018



- ii. Tahap pematuhan dan ketidakpatuhan berdasarkan risiko terhadap 25 kriteria bagi lapan (8) Jabatan dalam Kawalan Bajet adalah seperti **Carta 9**.


CARTA 9
TAHAP PEMATUHAN DAN KETIDAKPATUHAN BERDASARKAN
RISIKO TERHADAP 25 KRITERIA BAGI JABATAN DALAM KAWALAN BAJET



Sumber: Jabatan Audit Negara

- iii. Tahap pematuhan dan ketidakpatuhan berdasarkan risiko terhadap 10 kriteria bagi tiga (3) Agensi dalam Kawalan Bajet adalah seperti **Carta 10**.

CARTA 10
TAHAP PEMATUHAN DAN KETIDAKPATUHAN BERDASARKAN
RISIKO TERHADAP 10 KRITERIA BAGI AGENSI DALAM KAWALAN BAJET



Sumber: Jabatan Audit Negara

- iv. Antara kelemahan yang dikenal pasti paling kerap berlaku adalah seperti **Jadual 5**.

JADUAL 5
KELEMAHAN DALAM KAWALAN BAJET BAGI JABATAN/AGENSI

BIL.	PENEMUAN AUDIT	JABATAN AGENSI TERLIBAT
1.	Unjuran Anggaran Keperluan Aliran Tunai Bulanan/ Tahunan Perbelanjaan Mengurus dan Pembangunan yang disahkan oleh Pegawai Pengawal lewat dikemukakan kepada Perbendaharaan.	i. Pejabat Daerah dan Tanah Temerloh ii. Pejabat Daerah dan Tanah Maran iii. Pejabat Daerah dan Tanah Jerantut iv. Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Pahang
2.	Waran Pindah Peruntukan ditandatangani oleh Pegawai Pengawal atau wakil yang tidak diberi kuasa secara bertulis dan tidak mendapat kelulusan Perbendaharaan.	Pejabat Daerah dan Tanah Maran
3.	Agensi tidak mendapatkan maklumat kemajuan kewangan dan fizikal secara berjadual/berkala bagi memantau kemajuan pelaksanaan projek.	Majlis Ugama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang

Sumber: Jabatan Audit Negara


v. Penemuan Audit yang perlu diberi perhatian oleh jabatan/agensi adalah seperti berikut:

- Pekeliling Perbendaharaan Malaysia PB 2.6 Pindah Peruntukan Perbelanjaan Mengurus menetapkan Pegawai Pengawal diberi kuasa untuk membuat pindah peruntukan Perbelanjaan Mengurus di antara objek am di dalam aktiviti yang sama, di antara aktiviti di dalam program yang sama dan di antara program. Pekeliling tersebut juga menetapkan Pegawai Pengawal tidak dibenarkan untuk memindah Peruntukan daripada objek 10000 kepada objek am lain kecuali mendapat kelulusan Perbendaharaan bagi memastikan peruntukan emolumen tahunan tidak terjejas.
- Satu (1) pindah peruntukan daripada OS 12000 kepada OS 29000 sejumlah RM33,000 di Pejabat Daerah dan Tanah Maran telah dilaksanakan tanpa mendapat kelulusan terlebih dahulu daripada Pegawai Kewangan Negeri, Pejabat Kewangan Dan Perbendaharaan Negeri.

c. Kawalan Terimaan

- i. Secara keseluruhannya, bagi Jabatan Negeri, lima (5) Jabatan mencapai tahap **Cemerlang**, dua (2) Jabatan berada pada tahap **Baik** dan satu (1) Jabatan pada tahap **Memuaskan**. Bagi Agensi Negeri, dua (2) Agensi mencapai tahap **Baik** dan satu (1) Agensi berada pada tahap **Memuaskan**. Pencapaian Jabatan/Agensi bagi elemen Kawalan Terimaan bagi tahun 2018 adalah seperti **Carta 11**.

CARTA 11
PENCAPAIAN KAWALAN TERIMAAN JABATAN/AGENSI BAGI TAHUN 2018



Sumber: Jabatan Audit Negara


Cemerlang

Baik

Memuaskan

- ii. Tahap pematuhan dan ketidakpatuhan berdasarkan risiko terhadap 36 kriteria bagi lapan (8) Jabatan dalam Kawalan Terimaan adalah seperti **Carta 12**.


CARTA 12
TAHAP PEMATUHAN DAN KETIDAKPATUHAN BERDASARKAN RISIKO
TERHADAP 36 KRITERIA BAGI JABATAN DALAM KAWALAN TERIMAAN



Sumber: Jabatan Audit Negara

- iii. Tahap pematuhan dan ketidakpatuhan berdasarkan risiko terhadap 41 kriteria bagi tiga (3) Agensi dalam Kawalan Terimaan adalah seperti **Carta 13**.

CARTA 13
TAHAP PEMATUHAN DAN KETIDAKPATUHAN BERDASARKAN RISIKO
TERHADAP 41 KRITERIA BAGI AGENSI DALAM KAWALAN TERIMAAN



Sumber: Jabatan Audit Negara

- iv. Antara kelemahan yang dikenal pasti paling kerap berlaku adalah seperti **Jadual 6**.

JADUAL 6
KELEMAHAN DALAM KAWALAN TERIMAAN BAGI JABATAN/AGENSI

BIL.	PENEMUAN AUDIT	JABATAN AGENSI TERLIBAT
1.	Pegawai yang bertanggungjawab tidak menyemak setiap hari buku tunai dengan resit.	i. Pejabat Daerah dan Tanah Temerloh ii. Pejabat Daerah dan Tanah Maran iii. Pejabat Daerah dan Tanah Jerantut iv. Lembaga Pembangunan Tioman v. Majlis Daerah Raub
2.	Daftar/Laporan Mel diselenggarakan oleh pegawai yang tidak diberi kuasa dan selain daripada juruwang/pegawai yang menyediakan resit.	i. Pejabat Daerah dan Tanah Temerloh ii. Pejabat Daerah dan Tanah Maran iii. Pejabat Daerah dan Tanah Jerantut
3.	Resit tidak disediakan pada hari yang sama dan tidak dihantar selewat-lewatnya pada hari bekerja berikutnya.	i. Pejabat Daerah dan Tanah Temerloh ii. Pejabat Daerah dan Tanah Jerantut iii. Majlis Ugama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang i. Majlis Daerah Raub
4.	Baki stok borang hasil tidak didaftarkan dalam Kew.68 dan baki tidak sama dengan baki sebenar.	i. Pejabat Daerah dan Tanah Maran ii. Pejabat Daerah dan Tanah Jerantut
5.	Daftar/Laporan Mel tidak disemak setiap hari dengan buku tunai/ buku tunai elektronik oleh pegawai penyelia dengan menurunkan tandatangan ringkas.	i. Pejabat Daerah dan Tanah Maran ii. Pejabat Daerah dan Tanah Jerantut

Sumber: Jabatan Audit Negara

v. Penemuan Audit yang perlu diberi perhatian oleh jabatan/agensi adalah seperti berikut:


- Arahan Perbendaharaan 80(b) menyatakan semua pemungut adalah bertanggungjawab memastikan semua akaun mereka adalah betul. Bagi tujuan ini mereka atau wakilnya hendaklah membuat pemeriksaan dan semakan tiap-tiap hari semua catatan yang dibuat dalam buku Resit Rasmi dan lesen, buku tunai dan buku-buku akaun yang lain atau laporan-laporan yang dijana secara elektronik. Pegawai yang diwakilkan mestilah bukan pegawai yang sebenarnya membuat catatan tersebut. Pegawai yang menyemak hendaklah menandatangani ringkas dan mencatat tarikh di tempat setakat mana buku-buku atau laporan-laporan yang dijana secara elektronik itu telah disemak.
- Tiada bukti semakan dibuat pada Resit Rasmi seperti tanda semakan, tandatangan ringkas atau tarikh semakan bagi 90 Resit Rasmi bernilai RM124,535 yang melibatkan tiga (3) jabatan. Manakala 2,026 Resit Rasmi bernilai RM333,018 bagi Majlis Daerah Raub telah lewat dibuat semakan antara enam (6) hingga 125 hari dan 25 Resit Rasmi bernilai RM2,082 di Lembaga Pembangunan Tioman telah lewat direkodkan ke dalam buku tunai antara 30 hingga 35 hari.

- Arahan Perbendaharaan 60 menetapkan Resit Rasmi mestilah dikeluarkan pada masa urusan dibuat dan jika seseorang pembayar hadir sendiri, Resit Rasmi itu mestilah diserahkan kepadanya. Apabila Wang Awam diterima melalui pos, Resit Rasmi baginya mestilah disediakan pada hari itu juga dan dihantar selewat-lewatnya pada hari bekerja berikutnya.
- Sejumlah 60 Resit Rasmi bernilai RM413,673 melibatkan dua (2) jabatan dan 40 Resit Rasmi bernilai RM30,666 melibatkan dua (2) agensi tidak dikeluarkan pada hari yang sama atau hari bekerja berikutnya serta mencatatkan kelewatan sehingga enam (6) hari.

d. Pengurusan Perolehan


- i. Secara keseluruhannya, bagi Jabatan Negeri, masing-masing tiga (3) Jabatan mencapai tahap **Cemerlang** dan **Baik** manakala dua (2) Jabatan berada pada tahap **Kurang Memuaskan** dalam elemen Pengurusan Perolehan. Bagi Agensi Negeri, masing-masing satu (1) Agensi berada pada tahap **Baik**, **Memuaskan** dan **Kurang Memuaskan**. Pencapaian Jabatan/Agensi bagi elemen Pengurusan Perolehan bagi tahun 2018 adalah seperti **Carta 14**.

CARTA 14
PENCAPAIAN PENGURUSAN PEROLEHAN JABATAN/AGENSI BAGI TAHUN 2018



- ii. Tahap pematuhan dan ketidakpatuhan berdasarkan risiko terhadap 39 kriteria bagi lapan (8) Jabatan dalam Pengurusan Perolehan adalah seperti **Carta 15**.


CARTA 15
TAHAP PEMATUHAN DAN KETIDAKPATUHAN BERDASARKAN RISIKO
TERHADAP 39 KRITERIA BAGI JABATAN DALAM PENGURUSAN PEROLEHAN



Sumber: Jabatan Audit Negara

- iii. Tahap pematuhan dan ketidakpatuhan berdasarkan risiko terhadap 49 kriteria bagi tiga (3) Agensi dalam Pengurusan Perolehan adalah seperti **Carta 16**.

CARTA 16
TAHAP PEMATUHAN DAN KETIDAKPATUHAN BERDASARKAN RISIKO
TERHADAP 49 KRITERIA BAGI AGENSI DALAM PENGURUSAN PEROLEHAN



Sumber: Jabatan Audit Negara

- iv. Antara kelemahan yang dikenal pasti paling kerap berlaku adalah seperti **Jadual 7**.

JADUAL 7
KELEMAHAN DALAM PENGURUSAN PEROLEHAN BAGI JABATAN/AGENSI

BIL.	PENEMUAN AUDIT	JABATAN AGENSI TERLIBAT
1.	Jawatankuasa Sebut Harga, Jawatankuasa Pembuka Sebut Harga dan Jawatankuasa Penilaian Sebut Harga tidak dilantik secara bertulis oleh Pegawai Pengawal/Ketua Jabatan/Bahagian dan telah melaksanakan tugas mengikut pelantikan.	i. Pejabat Daerah dan Tanah Bentong ii. Pejabat Daerah dan Tanah Temerloh iii. Pejabat Daerah dan Tanah Maran iv. Pejabat Daerah dan Tanah Jerantut v. Lembaga Pembangunan Tioman
2.	Daftar/Rekod pembayaran kontrak secara berkala tidak diselenggarakan untuk rujukan dan pemantauan bayaran.	i. Pejabat Daerah dan Tanah Temerloh ii. Pejabat Daerah dan Tanah Maran iii. Pejabat Daerah dan Tanah Jerantut iv. Majlis Ugama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang v. Lembaga Pembangunan Tioman vi. Majlis Daerah Raub
3.	Tidak semua kontrak didaftarkan.	i. Pejabat Daerah dan Tanah Maran ii. Pejabat Daerah dan Tanah Jerantut iii. Jabatan Kerja Raya Negeri Pahang iv. Majlis Ugama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang v. Majlis Daerah Raub
4.	Kontrak ditandatangani lebih empat (4) bulan dari tarikh keluarnya Surat Setuju Terima.	i. Pejabat Setiausaha Kerajaan Pahang ii. Pejabat Daerah dan Tanah Temerloh iii. Pejabat Daerah dan Tanah Maran iv. Pejabat Daerah dan Tanah Jerantut
5.	Pelaksanaan <i>Integrity Pact</i> tidak dipatuhi.	i. Pejabat Daerah dan Tanah Bentong ii. Pejabat Daerah dan Tanah Temerloh iii. Pejabat Daerah dan Tanah Jerantut iv. Majlis Ugama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang

Sumber: Jabatan Audit Negara

v. Penemuan Audit yang perlu diberi perhatian oleh jabatan/agensi adalah seperti berikut:

- Pekeliling Perbendaharaan Malaysia PK 2.1 Kaedah Perolehan Kerajaan menetapkan pelantikan ahli jawatankuasa sebut harga, pembuka sebut harga dan penilaian sebut harga hendaklah dibuat secara bertulis ketua jabatan/agensi yang menguruskan sebut harga.
- Sebanyak 16 sebut harga bagi tahun 2018 bernilai RM2.73 juta melibatkan empat (4) jabatan dan dua (2) sebut harga bernilai RM127,160 bagi Lembaga Pembangunan Tioman telah dilaksanakan oleh Jawatankuasa Sebut Harga, Jawatankuasa Pembuka Sebut Harga dan Jawatankuasa Penilaian yang tidak dilantik secara bertulis oleh Pegawai Pengawal.
- Arahan Perbendaharaan 205.3 menetapkan pembayaran atau penerimaan hasil mengenai kontrak hendaklah direkod oleh


jabatan pada salinan kontrak pejabat atau dalam daftar yang disimpan bagi maksud itu dan untuk rujukan masa hadapan.

- Sejumlah 14 sampel perolehan bernilai RM0.92 juta melibatkan tiga (3) jabatan dan 16 sampel perolehan bernilai RM0.86 juta melibatkan tiga (3) agensi tidak menyelenggarakan daftar/rekod pembayaran kontrak secara berkala untuk rujukan dan pembayaran.

e. Kawalan Perbelanjaan


- i. Secara keseluruhannya, bagi Jabatan Negeri, empat (4) Jabatan mencapai tahap **Cemerlang**, tiga (3) Jabatan berada pada tahap **Baik** dan satu (1) Jabatan pada tahap **Memuaskan** dalam elemen Kawalan Perbelanjaan. Bagi Agensi Negeri, masing-masing satu (1) Agensi berada pada tahap **Baik**, **Memuaskan** dan **Kurang Memuaskan**. Pencapaian Jabatan/Agensi bagi elemen Kawalan Perbelanjaan bagi tahun 2018 adalah seperti **Carta 17**.

CARTA 17
PENCAPAIAN KAWALAN PERBELANJAAN JABATAN/AGENSI BAGI TAHUN 2018



- ii. Tahap pematuhan dan ketidakpatuhan berdasarkan risiko terhadap 23 kriteria bagi lapan (8) Jabatan dalam Kawalan Perbelanjaan adalah seperti **Carta 18**.


CARTA 18
TAHAP PEMATUHAN DAN KETIDAKPATUHAN BERDASARKAN RISIKO
TERHADAP 23 KRITERIA BAGI JABATAN DALAM KAWALAN PERBELANJAAN



Sumber: Jabatan Audit Negara

- iii. Tahap pematuhan dan ketidakpatuhan berdasarkan risiko terhadap 18 kriteria bagi tiga (3) Agensi dalam Kawalan Perbelanjaan adalah seperti **Carta 19**.

CARTA 19
TAHAP PEMATUHAN DAN KETIDAKPATUHAN BERDASARKAN RISIKO
TERHADAP 18 KRITERIA BAGI AGENSI DALAM KAWALAN PERBELANJAAN



Sumber: Jabatan Audit Negara

- iv. Antara kelemahan yang dikenal pasti paling kerap berlaku adalah seperti **Jadual 8**.

JADUAL 8
KELEMAHAN DALAM KAWALAN PERBELANJAAN BAGI JABATAN/AGENSI

BIL.	PENEMUAN AUDIT	JABATAN AGENSI TERLIBAT
1.	Proses bayaran tidak mematuhi peraturan kewangan yang ditetapkan.	i. Pejabat Setiausaha Kerajaan Pahang ii. Pejabat Daerah dan Tanah Maran iii. Pejabat Daerah dan Tanah Jerantut iv. Jabatan Kerja Raya Negeri Pahang v. Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Pahang vi. Majlis Ugama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang vii. Lembaga Pembangunan Tioman viii. Majlis Daerah Raub
2.	Had kuasa berbelanja yang ditetapkan dalam sistem tidak selaras perwakilan kuasa menandatangani baucar yang diluluskan.	i. Pejabat Setiausaha Kerajaan Pahang ii. Pejabat Daerah dan Tanah Jerantut iii. Jabatan Kerja Raya Negeri Pahang iv. Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Negeri Pahang
3.	Capaian dalam sistem telah dibatalkan bagi pegawai yang bertukar/berhenti/ bersara.	i. Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Pahang ii. Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Negeri Pahang
4.	Baucar bayaran disokong dengan dokumen sokongan asal, lengkap dan sempurna.	i. Majlis Ugama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang ii. Lembaga Pembangunan Tioman iii. Majlis Daerah Raub
5.	Bil tidak dijelaskan dalam tempoh 14 hari atau tempoh yang ditetapkan oleh Agensi dari tarikh ia diterima di Bahagian/ Unit Kewangan.	i. Majlis Ugama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang ii. Lembaga Pembangunan Tioman iii. Majlis Daerah Raub

Sumber: Jabatan Audit Negara

v. Penemuan Audit yang perlu diberi perhatian oleh jabatan adalah seperti berikut:


- Arahan Perbendaharaan 101 menetapkan bahawa Pegawai Pengawal boleh memberi kuasa secara bertulis bagi memperakui baucar dan hendaklah menghantar nama pegawai yang diberi kuasa berserta contoh tandatangan kepada pegawai pembayar yang bertanggungjawab di Perbendaharaan di dalam persekitaran manual dan elektronik.
- Had kuasa yang ditetapkan dalam sistem SPEKS bagi 22 orang pegawai adalah berbeza dengan surat penurunan kuasa mengikut AP 101 yang melibatkan empat (4) jabatan.

f. Pengurusan Kumpulan Wang/Akaun Amanah/Kumpulan Wang Pinjaman dan Deposit

- Secara keseluruhannya, bagi Jabatan Negeri, lima (5) Jabatan mencapai tahap **Cemerlang**, satu (1) Jabatan berada pada tahap **Kurang Memuaskan** dan dua (2) Jabatan tidak mempunyai Kumpulan Wang/Akaun Amanah dan Deposit. Bagi Agensi Negeri, dua (2) Agensi mencapai tahap **Cemerlang** dan satu (1) Agensi


berada pada tahap **Memuaskan**. Pencapaian Jabatan/Agensi bagi elemen Pengurusan Kumpulan Wang Pinjaman dan Deposit bagi tahun 2018 adalah seperti **Carta 20**.

CARTA 20
PENCAPAIAN PENGURUSAN KUMPULAN WANG/AKAUN AMANAH/
KUMPULAN WANG PINJAMAN DAN DEPOSIT JABATAN/AGENSI BAGI TAHUN 2018



- ii. Tahap pematuhan dan ketidakpatuhan berdasarkan risiko terhadap 23 kriteria bagi enam (6) Jabatan dalam Pengurusan Kumpulan Wang/Akaun Amanah dan Deposit adalah seperti **Carta 21**.


CARTA 21
TAHAP PEMATUHAN DAN KETIDAKPATUHAN
BERDASARKAN RISIKO TERHADAP 23 KRITERIA BAGI
JABATAN DALAM PENGURUSAN KUMPULAN WANG/AKAUN AMANAH DAN DEPOSIT



Sumber: Jabatan Audit Negara

- iii. Tahap pematuhan dan ketidakpatuhan berdasarkan risiko terhadap 24 kriteria bagi tiga (3) Agensi dalam Pengurusan Kumpulan Wang Pinjaman dan Deposit adalah seperti **Carta 22**.

CARTA 22
TAHAP PEMATUHAN DAN KETIDAKPATUHAN
BERDASARKAN RISIKO TERHADAP 24 KRITERIA BAGI AGENSI
DALAM PENGURUSAN KUMPULAN WANG PINJAMAN DAN DEPOSIT



Sumber: Jabatan Audit Negara

- iv. Antara kelemahan yang dikenal pasti paling kerap berlaku adalah seperti **Jadual 9**.

JADUAL 9
KELEMAHAN DALAM PENGURUSAN KUMPULAN WANG/AKAUN
AMANAHAH/KUMPULAN WANG PINJAMAN DAN DEPOSIT BAGI JABATAN/AGENSI

BIL.	PENEMUAN AUDIT	JABATAN AGENSI TERLIBAT
1.	Bayaran balik pendahuluan dan pelarasan tidak dibuat mengikut tempoh ditetapkan.	Lembaga Pembangunan Tioman
2.	Penyata Penyesuaian tidak disediakan dengan tepat.	Pejabat Daerah dan Tanah Maran
3.	Deposit tidak diakaunkan mengikut jenis deposit yang diterima, baki dalam daftar/rekod kecil bagi bilangan pendeposit yang sama tidak diselenggarakan dan akaun deposit individu berbaki kredit.	Pejabat Daerah dan Tanah Jerantut
4.	Denda/surcay dikenakan kepada pegawai bertanggungjawab	Lembaga Pembangunan Tioman

Sumber: Jabatan Audit Negara


- v. Penemuan Audit yang perlu diberi perhatian oleh jabatan adalah seperti berikut:

- Arahan Perbendaharaan 156 menyatakan Pegawai Pengawal adalah bertanggungjawab atas penyelenggaraan betul akaun deposit di bawah jagaannya. Akaun deposit hendaklah dibuka mengikut jenis deposit yang diterima. Jika sekiranya banyak bilangan deposit yang sama jenisnya diterima rekod kecil hendaklah diselenggara bagi tiap-tiap deposit.
- Sejumlah 18 pendeposit di Pejabat Daerah dan Tanah Jerantut tidak dapat disahkan kewujudannya kerana tiada maklumat pendeposit tersebut dalam daftar/rekod kecil pendeposit.

g. Pengurusan Aset dan Stor

- i. Secara keseluruhannya, bagi Jabatan Negeri, dua (2) Jabatan mencapai tahap **Cemerlang**, tiga (3) Jabatan berada pada tahap **Baik**, dua (2) Jabatan berada pada tahap **Memuaskan** dan satu (1) Jabatan berada pada tahap **Kurang Memuaskan** dalam elemen Pengurusan Aset dan Stor. Bagi Agensi Negeri, satu (1) Agensi mencapai tahap **Baik** dan dua (2) Agensi berada pada tahap **Memuaskan**. Pencapaian Jabatan/Agensi bagi elemen Pengurusan Aset dan Stor bagi tahun 2018 adalah seperti **Carta 23**.

CARTA 23
PENCAPAIAN PENGURUSAN ASET DAN STOR JABATAN/AGENSI BAGI TAHUN 2018




Sumber: Jabatan Audit Negara

■ Cemerlang
 ■ Baik
 ■ Memuaskan
 ■ Kurang Memuaskan

- ii. Tahap pematuhan dan ketidakpatuhan berdasarkan risiko terhadap 64 kriteria bagi lapan (8) Jabatan dalam Pengurusan Aset dan Stor adalah seperti **Carta 24**.


CARTA 24
TAHAP PEMATUHAN DAN KETIDAKPATUHAN BERDASARKAN RISIKO
TERHADAP 64 KRITERIA BAGI JABATAN DALAM PENGURUSAN ASET DAN STOR



Sumber: Jabatan Audit Negara

- iii. Tahap pematuhan dan ketidakpatuhan berdasarkan risiko terhadap 99 kriteria bagi tiga (3) Agensi dalam Pengurusan Aset dan Stor adalah seperti **Carta 25**.

CARTA 25
TAHAP PEMATUHAN DAN KETIDAKPATUHAN BERDASARKAN RISIKO
TERHADAP 99 KRITERIA BAGI AGENSI DALAM PENGURUSAN ASET DAN STOR



Sumber: Jabatan Audit Negara

- iv. Antara kelemahan yang dikenal pasti paling kerap berlaku adalah seperti **Jadual 10**.

JADUAL 10
KELEMAHAN DALAM PENGURUSAN ASET DAN STOR BAGI JABATAN/AGENSI

BIL.	PENEMUAN AUDIT	JABATAN/ AGENSI TERLIBAT
1.	Semua harta modal dan aset alih bernilai rendah tidak didaftarkan dengan lengkap dalam tempoh dua (2) minggu dari tarikh pengesahan penerimaan.	i. Pejabat Setiausaha Kerajaan Pahang ii. Pejabat Daerah dan Tanah Bentong iii. Pejabat Daerah dan Tanah Maran iv. Pejabat Daerah dan Tanah Jerantut v. Jabatan Kerja Raya Negeri Pahang vi. Majlis Ugama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang
2.	Agenda mesyuarat yang ditetapkan tidak dibincangkan.	i. Pejabat Daerah dan Tanah Temerloh ii. Pejabat Daerah dan Tanah Maran iii. Pejabat Daerah dan Tanah Jerantut iv. Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Negeri Pahang v. Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Pahang
3.	Laporan Pemeriksaan Harta Modal (KEW.PA-10) dan Laporan Pemeriksaan Aset Alih Bernilai Rendah (KEW.PA-11) yang lengkap tidak disediakan oleh Pegawai Pemeriksa dan dikemukakan kepada Ketua Jabatan.	i. Pejabat Daerah dan Tanah Bentong ii. Pejabat Daerah dan Tanah Temerloh iii. Pejabat Daerah dan Tanah Maran iv. Lembaga Pembangunan Tioman v. Majlis Daerah Raub
4.	Kad Kawalan Stok (KEW.PS-3) dan Kad Petak (KEW.PS-4) tidak diselenggara dengan kemas kini.	i. Pejabat Daerah dan Tanah Temerloh ii. Pejabat Daerah dan Tanah Jerantut iii. Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Negeri Pahang iv. Majlis Ugama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang
5.	Penyata penggunaan kad KSBTTR tidak diterima atau dicetak dan tidak disemak oleh pegawai bertanggungjawab.	i. Majlis Ugama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang ii. Lembaga Pembangunan Tioman iii. Majlis Daerah Raub

Sumber: Jabatan Audit Negara

v. Penemuan Audit yang perlu diberi perhatian oleh jabatan adalah seperti berikut:


- Pekeliling Perbendaharaan Malaysia AM 2.3 Tatacara Pengurusan Aset Alih Kerajaan menetapkan setiap aset hendaklah didaftarkan dalam tempoh dua (2) minggu dari tarikh pengesahan penerimaan.
- Sebanyak 114 aset melibatkan lima (5) jabatan tidak didaftarkan dalam tempoh seperti ketetapan pekeling dan mencatatkan kelewatan sehingga 248 hari.

h. Pengurusan Kenderaan Kerajaan

- Secara keseluruhannya, bagi Jabatan Negeri, satu (1) Jabatan mencapai tahap **Cemerlang**, dua (2) Jabatan berada pada tahap **Baik**, tiga (3) Jabatan di tahap **Memuaskan** manakala dua (2) Jabatan berada pada tahap **Tidak Memuaskan** bagi elemen Pengurusan Kenderaan Kerajaan. Pencapaian Jabatan bagi elemen


Pengurusan Kenderaan Kerajaan bagi tahun 2018 adalah seperti **Carta 26**. Pengurusan kenderaan bagi agensi dinilai di bawah elemen Pengurusan Aset dan Stor.

CARTA 26
PENCAPAIAN KAWALAN PENGURUSAN KENDERAAN JABATAN BAGI TAHUN 2018



- ii. Tahap pematuhan dan ketidakpatuhan berdasarkan risiko terhadap 35 kriteria dalam Pengurusan Kenderaan Kerajaan bagi lapan (8) Jabatan adalah seperti **Carta 27**.

CARTA 27
TAHAP PEMATUHAN DAN KETIDAKPATUHAN BERDASARKAN RISIKO TERHADAP
KRITERIA 35 BAGI JABATAN DALAM PENGURUSAN KENDERAAN KERAJAAN



Sumber: Jabatan Audit Negara

- iii. Antara kelemahan yang dikenal pasti paling kerap berlaku adalah seperti **Jadual 11**.

JADUAL 11
KELEMAHAN DALAM PENGURUSAN KENDERAAN KERAJAAN BAGI JABATAN

BIL.	PENEMUAN AUDIT	JABATAN
1.	Buku rekod pergerakan Kad Inden tidak diperiksa oleh Ketua Jabatan dari semasa ke semasa.	i. Pejabat Setiausaha Kerajaan Pahang ii. Pejabat Daerah dan Tanah Bentong iii. Pejabat Daerah dan Tanah Maran iv. Pejabat Daerah dan Tanah Jerantut v. Jabatan Kerja Raya Negeri Pahang vi. Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Negeri Pahang
2.	Buku rekod pergerakan Kad Inden tidak diselenggara dengan lengkap dan kemas kini.	i. Pejabat Setiausaha Kerajaan Pahang ii. Pejabat Daerah dan Tanah Bentong iii. Pejabat Daerah dan Tanah Maran iv. Jabatan Kerja Raya Negeri Pahang v. Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Negeri Pahang
3.	Penyelesaian saman tertunggak tidak diberi peringatan bertulis oleh Ketua Jabatan.	i. Pejabat Daerah dan Tanah Temerloh ii. Pejabat Daerah dan Tanah Maran iii. Pejabat Daerah dan Tanah Jerantut iv. Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Negeri Pahang v. Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Pahang
4.	Setelah diberi peringatan bertulis dalam tempoh sebulan oleh Ketua Jabatan, tiada tindakan seterusnya (seperti potongan gaji) dilaksanakan.	i. Pejabat Daerah dan Tanah Temerloh ii. Pejabat Daerah dan Tanah Maran iii. Pejabat Daerah dan Tanah Jerantut iv. Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Pahang
5.	Buku rekod pergerakan dan penggunaan Kawalan Kad Sistem Bayaran Tol Tanpa Resit (KSBTTR) tidak diselenggarakan oleh pegawai kenderaan dan pemandu dengan lengkap.	i. Pejabat Daerah dan Tanah Temerloh ii. Pejabat Daerah dan Tanah Maran iii. Jabatan Kerja Raya Negeri Pahang iv. Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Negeri Pahang

Sumber: Jabatan Audit Negara


iv. Penemuan audit yang perlu diberi perhatian oleh jabatan/agensi adalah seperti berikut:

- Pekeliling Perbendaharaan Malaysia WP 4.1 Pengurusan Kenderaan Kerajaan menyatakan Pegawai Kenderaan mestilah menyediakan buku rekod pergerakan kad inden kenderaan. Buku rekod ini hendaklah sentiasa dikemas kini, dijaga dengan baik dan diperiksa oleh Ketua Jabatan dari semasa ke semasa.
- Buku rekod pergerakan kad inden kenderaan melibatkan enam (6) jabatan tidak diperiksa oleh Ketua Jabatan dari semasa ke semasa.

i. Pengurusan Pelaburan dan Pinjaman


- i. Secara keseluruhannya, dua (2) Agensi Negeri mencapai tahap **Cemerlang** dan satu (1) Agensi berada pada tahap **Baik** dalam Pengurusan Pelaburan dan Pinjaman. Pencapaian Agensi daripada aspek Pengurusan Pelaburan dan Pinjaman bagi tahun 2018 adalah seperti **Carta 28**.

CARTA 28
PENCAPAIAN PENGURUSAN PELABURAN DAN PINJAMAN AGENSI BAGI TAHUN 2018



- ii. Tahap pematuhan dan ketidakpatuhan berdasarkan risiko terhadap 25 kriteria dalam Pengurusan Pelaburan dan Pinjaman bagi tiga (3) Agensi adalah seperti **Carta 29**.

CARTA 29
TAHAP PEMATUHAN DAN KETIDAKPATUHAN BERDASARKAN RISIKO TERHADAP Kriteria 25 BAGI AGENSI DALAM PENGURUSAN PELABURAN DAN PINJAMAN



Sumber: Jabatan Audit Negara

- iii. Antara kelemahan yang dikenal pasti paling kerap berlaku adalah seperti **Jadual 12**.

JADUAL 12
KELEMAHAN DALAM PENGURUSAN PELABURAN DAN PINJAMAN

BIL.	PENEMUAN AUDIT	AGENSI
1.	Tindakan susulan tidak diambil terhadap keputusan mesyuarat yang lepas	Majlis Ugama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang
2.	Pinjaman diberi tidak diluluskan di peringkat Lembaga Pengarah	Majlis Ugama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang
3.	Mekanisme kawalan dan pemantauan pinjaman diberi tidak diwujudkan	Majlis Ugama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang


Sumber: Jabatan Audit Negara

- iv. Penemuan audit yang perlu diberi perhatian oleh jabatan/agensi adalah seperti berikut:
- Pinjaman diberikan kepada syarikat subsidiari hendaklah diluluskan di peringkat Lembaga Pengarah serta mekanisme berkaitan kawalan dan pemantauan pinjaman yang diberi perlu diwujudkan.

- Sejumlah RM1.39 juta pinjaman diberikan kepada syarikat subsidiari Majlis Ugama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang tanpa mendapat kelulusan terlebih dahulu di peringkat Ahli Majlis atau Jawatankuasa Kewangan. Selain itu, mekanisme berkaitan kawalan dan pemantauan terhadap pinjaman yang diberi tidak diwujudkan.


j. Pengurusan Penyata Kewangan

- Secara keseluruhannya, bagi Agensi Negeri, dua (2) Agensi mencapai tahap **Baik** dan satu (1) Agensi berada pada tahap **Kurang Memuaskan**. Pencapaian Agensi bagi elemen Pengurusan Penyata Kewangan bagi tahun 2018 adalah seperti **Carta 30**.



- Tahap pematuhan dan ketidakpatuhan berdasarkan risiko terhadap 28 kriteria dalam Pengurusan Penyata Kewangan bagi tiga (3) Agensi adalah seperti **Carta 31**.

CARTA 31
TAHAP PEMATUHAN DAN KETIDAKPATUHAN BERDASARKAN RISIKO
TERHADAP 28 KRITERIA BAGI AGENSI DALAM PENGURUSAN PENYATA KEWANGAN



Sumber: Jabatan Audit Negara

iii. Antara kelemahan yang dikenal pasti paling kerap berlaku adalah seperti **Jadual 13**.

JADUAL 13
KELEMAHAN DALAM PENGURUSAN PENYATA KEWANGAN

BIL.	PENEMUAN AUDIT	AGENSI
1.	Mendapat Sijil Tanpa Teguran (<i>Emphasis of Matter</i>).	i. Majlis Ugama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang ii. Majlis Daerah Raub
2.	Penyata kewangan yang dikemukakan untuk diaudit mempunyai kesilapan persembahan, pengiraan dan angka.	i. Lembaga Pembangunan Tioman ii. Majlis Daerah Raub
3.	Penyata kewangan sebelum diaudit tidak dibentangkan kepada Lembaga Pengarah.	Majlis Ugama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang
4.	Penyata kewangan selepas diaudit dan isu mengenainya tidak dibentangkan dalam mesyuarat Lembaga Pengarah.	Majlis Ugama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang

Sumber: Jabatan Audit Negara

iv. Penemuan audit yang perlu diberi perhatian oleh agensi adalah seperti berikut:

- Penyata kewangan sebelum dan selepas diaudit hendaklah dibentangkan dalam mesyuarat Lembaga Pengarah.
- Penyata kewangan Majlis Ugama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang bagi tahun berakhir 31 Disember 2017 sebelum dan

selepas audit tidak dibentangkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Kewangan dan Ahli Majlis.

6. SYOR AUDIT

Secara keseluruhannya, prestasi pengurusan kewangan Jabatan/Agensi Negeri Pahang bagi tahun 2018 berada pada tahap Baik berdasarkan kepada markah keseluruhan pematuhan terhadap peraturan pengurusan kewangan. Bagaimanapun, terdapat beberapa Jabatan/Agensi yang perlu meningkat dan memantapkan lagi kawalan dalaman pengurusan kewangan agar isu yang dibangkitkan tidak berulang serta mengurangkan risiko ketidakpatuhan yang lebih serius. Sehubungan itu, Jabatan/Agensi hendaklah mengambil tindakan sewajarnya seperti yang berikut:

- 6.1. memastikan pengetahuan dan kemahiran pegawai yang terlibat dalam pengurusan kewangan dipertingkatkan dengan memberi latihan sewajarnya secara berterusan. Selain itu, penilaian ke atas kemahiran dan keupayaan pegawai berkenaan hendaklah dilakukan dari semasa ke semasa;
- 6.2. pemeriksaan secara menyeluruh dijalankan untuk menentukan sama ada kelemahan yang dibangkitkan oleh Jabatan Audit Negara juga berlaku di Bahagian lain memandangkan pengauditan yang dijalankan oleh Jabatan Audit Negara adalah berdasarkan sampel dan skop yang terhad;
- 6.3. memastikan isu yang dibangkitkan oleh Jabatan Audit Negara dan Unit Audit Dalam diambil tindakan pembetulan dan pencegahan;
- 6.4. Ketua Jabatan mengambil tindakan sewajarnya terhadap pegawai yang telah dipastikan melakukan ketidakpatuhan serius sehingga menyebabkan kerugian kepada Kerajaan dan menjejaskan imej Kerajaan;
- 6.5. berusaha mewujudkan budaya kerja berasaskan amalan terbaik untuk mengekalkan kecemerlangan tahap prestasi pengurusan kewangan. Buku Kecemerlangan Pengurusan Kewangan Daripada Perspektif Jabatan Audit Negara Edisi 2 boleh dijadikan rujukan;
- 6.6. menjalankan penyeliaan yang lebih rapi terhadap kerja yang dilaksanakan oleh pegawai bawahan yang terlibat dalam pengurusan kewangan untuk memastikan peraturan Kerajaan yang ditetapkan sentiasa dipatuhi serta penglibatan secara *hands on* dalam urusan tersebut; dan

6.7. melaksanakan pusingan tugas setiap lima (5) tahun terhadap pegawai yang diberi tanggungjawab kewangan terutamanya pengurusan terimaan, perolehan serta perbelanjaan untuk memastikan tiada ruang dan peluang untuk pegawai melakukan ketidakpatuhan yang serius.

Pihak Audit ingin memaklumkan bahawa pengauditan Pengurusan Kewangan (Indeks Akauntabiliti) ini dilakukan berdasarkan sampel dan pihak Jabatan/Agensi adalah bertanggungjawab terhadap tadbir urus dan kawalan dalaman organisasi. Oleh itu, tindakan penambahbaikan tidak hanya dilakukan terhadap penemuan Audit sahaja tetapi perhatian seluruhnya diberi kepada sistem, prosedur dan kawalan dalaman yang berkaitan bagi mengelakkan risiko berlakunya fraud dan salah laku.

PENGAUDITAN MENGEJUT DI JABATAN/AGENSI NEGERI

2 | PENGAUDITAN MENGEJUT

1. PENDAHULUAN

1.1. Pengauditan ini dilaksanakan selaras dengan kehendak Seksyen 5 Akta Audit 1957 yang menyatakan Ketua Audit Negara hendaklah mengikut apa-apa cara yang difikirkannya patut memeriksa, menyiasat dan mengaudit akaun pegawai perakaunan Persekutuan dan Negeri, akaun mana-mana kumpulan wang berasingan yang ditubuhkan di sesuatu negeri atau Wilayah Persekutuan.

1.2. Seksyen 6(a) Akta Audit 1957 juga menyatakan bahawa Ketua Audit Negara hendaklah dalam pengauditannya membuat apa-apa pemeriksaan yang difikirkannya perlu untuk menentukan sama ada segala langkah berjaga-jaga yang munasabah telah diambil untuk melindungi pemungutan dan penjagaan wang awam atau wang lain yang tertakluk kepada pengauditannya.

1.3. Pengauditan Mengejut adalah satu pendekatan Audit yang meliputi pemeriksaan, penyiasatan dan pengauditan tanpa memaklumkan terlebih dahulu tarikh sebenar lawatan dan jangka masa pengauditan kepada pihak Auditi.

2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Objektif Pengauditan Mengejut adalah untuk menentukan sama ada penerimaan, kutipan, kawalan perbelanjaan, kawalan aset dan stor, dokumen berharga, barang rampasan dan barang kes serta kenderaan yang berada di bawah jagaan/seliaan pegawai yang bertanggungjawab diakaunkan secara teratur, dikawal dan disimpan dengan selamat.

3. SKOP PENGAUDITAN

Skop Pengauditan Mengejut meliputi kawalan terimaan, kawalan perbelanjaan, kawalan terhadap barang berharga dan kawalan umum. Bagi Jabatan, Pusat Tanggungjawab (PTJ), Pusat Kos (PK) atau agensi yang tidak mempunyai terimaan, skop Pengauditan Mengejut meliputi juga kawalan pengurusan kenderaan kerajaan. Pengauditan Mengejut dilaksanakan dalam tempoh satu (1) hari atau tempoh masa yang sesuai bagi

kes-kes tertentu. Pengauditan ini dijalankan dengan menyemak rekod dan dokumen kewangan terhadap penerimaan wang, wang panjar, borang hasil yang dikawal, barang berharga dan penggunaan kenderaan kerajaan bagi tahun 2018 di 14 PTJ/PK di bawah lapan (8) Jabatan Negeri dan satu (1) Agensi Negeri adalah seperti **Jadual 1** dan **Jadual 2**.

JADUAL 1
**PENGAUDITAN MENGEJUT DI PUSAT TANGGUNGJAWAB/
PUSAT KOS MENGIKUT JABATAN NEGERI PADA TAHUN 2018**

BIL.	JABATAN NEGERI	BILANGAN PUSAT TANGGUNGJAWAB/ PUSAT KOS YANG DIAUDIT
1.	Jabatan Kerja Raya Negeri Pahang	1
2.	Jabatan Perhutanan Negeri Pahang	3
3.	Jabatan Pertanian Negeri Pahang	1
4.	Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Pahang	1
5.	Jabatan Agama Islam Negeri Pahang	5
6.	Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Pahang	1
7.	Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Pahang	1
8.	Pejabat Daerah dan Tanah Kuantan	1
JUMLAH		14

Sumber: Jabatan Audit Negara

JADUAL 2
PENGAUDITAN MENGEJUT DI PEJABAT BADAN BERKANUN NEGERI PADA TAHUN 2018

BADAN BERKANUN NEGERI	BILANGAN PEJABAT YANG DIAUDIT
Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Pahang	1

Sumber: Jabatan Audit Negara

4. METODOLOGI

Metodologi Pengauditan Mengejut adalah melalui pemeriksaan fizikal terhadap wang tunai, barang berharga, aset dan stor, dokumen berharga, barang rampasan dan barang kes serta kenderaan. Semakan terhadap rekod-rekod kewangan, temu bual dengan pihak Auditi, pengamatan keadaan semasa pada tarikh pengauditan seperti kawalan keselamatan terhadap kaunter kutipan dan keadaan peti besi yang sentiasa berkunci. Lawatan dan tinjauan mengejut di lokasi operasi/penyimpanan/stor juga dilakukan.

5. PENEMUAN AUDIT

5.1. Tahap Pematuhan Pengauditan Mengejut di PTJ/PK dan Pejabat yang Diaudit

Secara keseluruhannya, Pengauditan Mengejut di PTJ/PK/Pejabat dinilai berdasarkan 41 kriteria melibatkan 19 kriteria di kawalan terimaan, empat (4) di kawalan perbelanjaan, 10 di kawalan terhadap barang berharga, tiga (3) di kawalan umum dan lima (5) di kawalan pengurusan kenderaan kerajaan. Pihak Audit mendapati ketidakpatuhan seperti dalam **Jadual 3** berikut:

JADUAL 3
BILANGAN KRITERIA TIDAK PATUH MENGIKUT PTJ/PK DAN PEJABAT YANG DIAUDIT

BIL.	KAWALAN	JUMLAH KRITERIA	KRITERIA TIDAK PATUH MENGIKUT PTJ/PK	KRITERIA TIDAK PATUH MENGIKUT PEJABAT
1.	Terimaan	19	10	2
2.	Perbelanjaan	4	4	-
3.	Barang Berharga	10	6	3
4.	Umum	3	2	1
5.	Pengurusan Kenderaan Kerajaan	5	3	-
JUMLAH		41	25	6

Sumber: Jabatan Audit Negara

5.2. Tahap Pematuhan Pengauditan Mengejut di PTJ/PK dan Pejabat yang Diaudit Mengikut Kawalan


5.2.1. Kawalan Terimaan

- a. Analisis Audit mendapati sebanyak 10 PTJ/PK tidak mematuhi 10 kriteria dalam kawalan terimaan. Hasil analisis mendapati:
 - i. Ketidakpatuhan yang signifikan dalam kawalan terimaan iaitu sebanyak enam (6) PTJ/PK melibatkan kelewatan kemasukan wang kutipan ke dalam bank dengan segera;
 - ii. Selanjutnya, masing-masing empat (4) PTJ/PK melibatkan Notis Pemberitahuan Orang Awam untuk mendapatkan resit rasmi tidak di pamerkan, baki fizikal stok Borang Hasil tidak bersamaan dengan rekod dalam Daftar Borang Hasil dan Resit Rasmi tidak dibatalkan oleh pegawai yang diberi kuasa secara bertulis;
 - iii. Ketidakpatuhan yang seterusnya melibatkan masing-masing tiga (3) PTJ/PK adalah berkenaan Borang Hasil tidak dikeluarkan mengikut

susunan nombor yang betul dan direkodkan di Kew.68, peranan dan capaian di sistem e-terimaan tidak selaras dengan penurunan kuasa, pungutan melalui cek dibayar masuk lewat iaitu lebih dari satu (1) minggu dari tarikh terima dan wang kutipan tunai kurang daripada RM500 dan cek yang disimpan melebihi tempoh satu (1) minggu daripada tarikh terimaan; dan

- iv. Ketidakpatuhan paling rendah dalam kawalan terimaan masing-masing dua (2) PTJ/PK melibatkan pengasingan tugas untuk terimaan tidak diwujudkan di dalam sistem dan Resit Rasmi tidak dikeluarkan bagi mengaku terimaan pada masa urusan dibuat dan direkodkan dalam buku tunai. Butiran lanjut adalah seperti **Carta 1**.

CARTA 1
BILANGAN PTJ/PK YANG TIDAK MEMATUHI PERATURAN DALAM KAWALAN TERIMAAN



Sumber: Jabatan Audit Negara

Nota:


- a. Borang Hasil tidak dikeluarkan mengikut susunan nombor yang betul dan tidak direkodkan di Kew.68 melibatkan tiga (3) PTJ/PK iaitu Pejabat Hutan Daerah Rompin, Pejabat Agama Islam Daerah (PAID) Temerloh dan Pejabat Agama Islam Daerah Muadzam Shah.
- b. Baki fizikal stok Borang Hasil tidak bersamaan dengan rekod dalam Daftar Borang Hasil melibatkan empat (4) PTJ/PK iaitu Pejabat Hutan Daerah Rompin, Jabatan Kerja Raya (JKR) Daerah Pekan, PAID Temerloh dan PAID Muadzam Shah.
- c. Peranan dan capaian di sistem e-terimaan tidak selaras dengan penurunan kuasa melibatkan tiga (3) PTJ/PK iaitu Pejabat Hutan Daerah Jerantut, Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Daerah Maran dan PAID Jengka.
- d. Pengasingan tugas untuk terimaan tidak diwujudkan di dalam sistem melibatkan dua (2) PTJ/PK iaitu PAID Temerloh dan Sekolah Menengah Agama Al-Ihsan.
- e. Resit Rasmi tidak dikeluarkan bagi mengaku terimaan pada masa urusan dibuat dan tidak direkodkan dalam buku tunai melibatkan dua (2) PTJ/PK iaitu Pejabat Hutan Daerah Rompin dan JKR Daerah Pekan.
- f. Tiada Notis Pemberitahuan Orang Awam untuk mendapatkan resit rasmi dipamerkan di tempat yang mudah dilihat melibatkan empat (4) PTJ/PK iaitu Pejabat Hutan Daerah Rompin, JPS Daerah Maran, PAID Jengka dan PAID Muadzam Shah.
- g. Resit Rasmi dibatalkan oleh pegawai yang tidak diberi kuasa secara bertulis melibatkan empat (4) PTJ/PK iaitu Pejabat Hutan Daerah Jerantut, Pejabat Hutan Daerah Lipis, PAID Jengka dan PAID Temerloh.
- h. Wang Kutipan tidak dimasukkan ke dalam bank dengan segera tiap-tiap hari serta tidak menyemak tarikh cetakan bank dan penyata pemungut melibatkan enam (6) PTJ/PK iaitu Pejabat Hutan Daerah Jerantut, Pejabat Hutan Daerah Lipis, Pejabat Hutan Daerah Rompin, JKR Daerah Pekan, Sekolah Menengah Agama Al-Attas dan Sekolah Menengah Agama Al-Ihsan.
- i. Pungutan melalui cek dibayar masuk lewat dari satu (1) minggu dari tarikh terima dengan tidak menyemak tarikh cetakan bank dan penyata pemungut melibatkan tiga (3) PTJ/PK iaitu Pejabat Hutan Daerah Jerantut, Pejabat Hutan Daerah Lipis dan Pejabat Hutan Daerah Rompin.
- j. Wang kutipan tunai kurang daripada RM500 dan cek disimpan melebihi tempoh satu (1) minggu daripada tarikh terimaan disimpan di dalam peti besi atau bilik kebal melibatkan tiga (3) PTJ/PK iaitu Pejabat Hutan Daerah Rompin, PAID Temerloh dan Sekolah Menengah Agama Al-Ihsan.

- b. Kawalan terimaan yang tidak mematuhi peraturan/pekeliling menunjukkan kawalan dalaman PTJ/PK yang lemah, proses kerja yang tidak difahami sepenuhnya dan penyalahgunaan kuasa/borang hasil. Kelemahan-kelemahan ini memberi implikasi kepada ketirisan hasil kerajaan kerana perkhidmatan/bekalan yang diberikan adalah tanpa bayaran.
- c. Analisis Audit mendapati Perpustakaan Awam Daerah Bentong tidak mematuhi dua (2) kriteria dalam kawalan terimaan. Hasil analisis mendapati:
 - i. Ketidakpatuhan dalam kawalan terimaan adalah melibatkan Borang Hasil dikeluarkan tidak mengikut susunan nombor yang betul dan tidak direkodkan di Kew.68 serta baki fizikal stok Borang Hasil tidak bersamaan dengan rekod dalam Daftar Borang Hasil.
 - ii. Kawalan terimaan yang tidak patuh ini memberi risiko kepada perekodan yang tidak tepat, proses kerja yang tidak difahami sepenuhnya dan penyalahgunaan kuasa/borang hasil. Kelemahan-kelemahan ini memberi implikasi kepada ketirisan hasil kerajaan dan menjejaskan penyampaian perkhidmatan kepada pengguna.

5.2.2. Kawalan Perbelanjaan

- a. Analisis Audit mendapati sebanyak enam (6) PTJ/PK tidak mematuhi empat (4) kriteria dalam kawalan perbelanjaan. Hasil analisis mendapati:
 - i. Ketidakpatuhan yang signifikan dalam kawalan perbelanjaan adalah mengenai baki Panjar Wang Runcit (PWR) tidak bersamaan dengan baki rekod di Buku Tunai PWR, tuntutan perjalanan dibayar daripada PWR dan Panjar Wang Runcit tidak disimpan dengan selamat iaitu melibatkan masing-masing tiga (3) PTJ/PK; dan
 - ii. Ketidakpatuhan paling rendah dalam kawalan perbelanjaan adalah melibatkan wang yang dibayar tidak bersamaan dengan jumlah pada resit yang dituntut oleh satu (1) PTJ/PK. Butiran lanjut adalah seperti **Carta 2**.

CARTA 2
BILANGAN PTJ/PK YANG TIDAK MEMATUHI PERATURAN DALAM KAWALAN PERBELANJAAN



Sumber: Jabatan Audit Negara

Nota:

- a. Baki fizikal wang PWR tidak bersamaan dengan baki rekod di Buku Tunai PWR melibatkan tiga (3) PTJ/PK iaitu Pejabat Hutan Daerah Rompin, PAID Temerloh dan PAID Muadzam Shah.
- b. Wang yang dibayar tidak bersamaan dengan jumlah pada resit yang dituntut melibatkan satu (1) PTJ/PK iaitu Pejabat Hutan Daerah Rompin.
- c. Tuntutan perjalanan dibayar daripada PWR melibatkan tiga (3) PTJ/PK iaitu Pejabat Hutan Daerah Rompin, Sekolah Menengah Agama Al-Attas dan Sekolah Menengah Agama Al-Ihsan.
- d. Panjar Wang Runcit tidak disimpan dengan selamat melibatkan tiga (3) PTJ/PK iaitu Pejabat Hutan Daerah Rompin, Pejabat Pertanian Daerah Lipis dan Sekolah Menengah Agama Al-Ihsan.


- b. Kelemahan-kelemahan yang ditemui semasa Pengauditan Mengejut di PTJ/PK menyebabkan rekod tidak tepat (lebih/kurang) dan tidak kemas kini yang meningkatkan risiko kehilangan wang awam.

5.2.3. Kawalan Terhadap Barang Berharga

- a. Analisis Audit mendapati 14 PTJ/PK tidak mematuhi enam (6) kriteria dalam kawalan terhadap barang berharga. Hasil analisis mendapati:
 - i. Ketidakpatuhan yang signifikan dalam kawalan terhadap barang berharga adalah sebanyak sembilan (9) PTJ/PK melibatkan baki fizikal barang-barang stor barang berharga dan menarik adalah tidak sama dengan baki terakhir di kad petak;
 - ii. Selanjutnya, ketidakpatuhan melibatkan tujuh (7) PTJ/PK iaitu penerimaan barang-barang dari pembekal Stor Pusat/Utama tidak menggunakan Borang Terimaan Barang-Barang (BTB) yang disediakan oleh Pegawai Penerima dan diperakui oleh Pegawai Pengesah;

- iii. Ketidakpatuhan yang seterusnya melibatkan lima (5) PTJ/PK masing-masing iaitu harta modal dan aset alih bernilai rendah tidak didaftarkan dalam tempoh dua (2) minggu dari tarikh pengesahan penerimaan dan Aset Kerajaan tiada tanda pengenalan Hak Kerajaan Malaysia dan tidak ditandakan dengan nombor siri pendaftaran yang betul;
- iv. Ketidakpatuhan dokumen berharga tidak disimpan di dalam peti besi atau bilik kebal pula melibatkan tiga (3) PTJ/PK; dan
- v. Ketidakpatuhan paling rendah dalam kawalan terhadap barang berharga melibatkan dua (2) PTJ/PK adalah aset yang dibeli tidak digunakan. Butiran lanjut adalah seperti **Carta 3**.

CARTA 3
BILANGAN PTJ/PK YANG TIDAK MEMATUHI
PERATURAN DALAM KAWALAN TERHADAP BARANG BERHARGA



Sumber: Jabatan Audit Negara

Nota:


- a. Semua harta modal dan aset alih bernilai rendah tidak didaftarkan dalam tempoh dua (2) minggu dari tarikh pengesahan penerimaan melibatkan lima (5) PTJ/PK iaitu Pejabat Hutan Daerah Rompin, JKR Daerah Pekan, Pejabat Daerah dan Tanah (PDT) Kuantan, PAID Jengka dan Sekolah Menengah Agama Al-Ihsan.
- b. Aset tidak diberi tanda pengenalan Hak Kerajaan Malaysia dan tidak ditandakan dengan nombor siri pendaftaran yang betul melibatkan lima (5) PTJ/PK iaitu Pejabat Hutan Daerah Rompin, Pejabat Pertanian Daerah Lipis, JKR Daerah Pekan, PAID Jengka dan Sekolah Menengah Agama Al-Ihsan.
- c. Aset yang dibeli tidak digunakan melibatkan dua (2) PTJ/PK iaitu Pejabat Pertanian Daerah Lipis dan PDT Kuantan.
- d. Penerimaan barang-barang dari pembekal Stor Pusat/Utama tidak menggunakan Borang Terimaan Barang-Barang (BTB) yang disediakan oleh Pegawai Penerima dan diperakukan oleh Pegawai Pengesah melibatkan tujuh (7) PTJ/PK iaitu Pejabat Hutan Daerah Jerantut, Pejabat Hutan Daerah Lipis, Pejabat Hutan Daerah Rompin, JPS Daerah Maran, Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah Maran, Mahkamah Rendah Syariah Jerantut dan Sekolah Menengah Agama Al-Attas.
- e. Baki fizikal barang-barang stor barang berharga dan menarik tidak sama dengan baki terakhir di kad petak melibatkan sembilan (9) PTJ/PK iaitu Pejabat Hutan Daerah Jerantut, Pejabat Hutan Daerah Lipis, Pejabat Hutan Daerah Rompin, Pejabat Pertanian Daerah Lipis, JPS Daerah Maran, Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah Maran, PAID Jengka, PAID Temerloh dan PAID Muadzam Shah.
- f. Dokumen berharga tidak disimpan di dalam peti besi atau bilik kebal melibatkan tiga (3) PTJ/PK iaitu Pejabat Hutan Daerah Lipis, Pejabat Hutan Daerah Rompin dan Sekolah Menengah Agama Al-Ihsan.

- b. Penemuan Audit di PTJ/PK menunjukkan kelemahan di kawalan terhadap barang berharga melibatkan baki fizikal barang-barang stor barang berharga dan menarik adalah tidak sama dengan baki terakhir di kad petak. Selain itu, kelemahan ini juga berisiko terhadap kehilangan barang berharga.
- c. Analisis Audit mendapati Perpustakaan Awam Daerah Bentong tidak mematuhi tiga (3) kriteria dalam kawalan terhadap barang berharga. Hasil analisis mendapati:
 - i. Ketidakpatuhan dalam kawalan terhadap barang berharga adalah melibatkan harta modal dan aset alih bernilai rendah tidak didaftarkan dalam tempoh dua (2) minggu dari tarikh pengesahan penerimaan, aset tidak diberi tanda pengenalan Hak Kerajaan Malaysia dan tidak ditandakan dengan nombor siri pendaftaran yang betul serta baki fizikal barang-barang stor barang berharga dan menarik tidak sama dengan baki terakhir di kad petak.
 - ii. Ketidakpatuhan dalam kawalan terhadap barang berharga bagi pejabat yang di audit memberi implikasi kehilangan wang awam barang berharga dan berisiko terhadap penyalahgunaan kuasa di kalangan pegawai di pejabat tersebut.

5.2.4. Kawalan Umum

- a. Analisis Audit mendapati 11 PTJ/PK tidak mematuhi dua (2) kriteria dalam kawalan umum. Hasil analisis mendapati:
 - i. Ketidakpatuhan yang signifikan dalam kawalan umum adalah sebanyak 10 PTJ/PK melibatkan Pemeriksaan Mengejut [Arahan Perbendaharaan (AP) 309] tidak dilaksanakan oleh Ketua Jabatan tidak kurang sekali dalam tempoh enam (6) bulan meliputi peti besi, bilik kebal, peti wang tunai, laci atau bekas-bekas untuk menyimpan wang, setem atau barang-barang berharga; dan
 - ii. Ketidakpatuhan paling rendah dalam kawalan umum melibatkan tujuh (7) PTJ/PK yang tidak mempunyai anak kunci dan kod kombinasi peti besi/bilik kebal yang dipegang oleh pegawai yang berlainan dan tidak diberikan kuasa. Butiran lanjut adalah seperti **Carta 4**.

CARTA 4
BILANGAN PTJ/PK YANG TIDAK
MEMATUHI PERATURAN DALAM KAWALAN UMUM



Sumber: Jabatan Audit Negara

Nota:

- a. Kod kombinasi dan anak kunci peti besi/bilik kebal tidak dipegang oleh pegawai yang berlainan dan tidak diberikan kuasa melibatkan tujuh (7) PTJ/PK iaitu JPS Daerah Maran, JKR Daerah Pekan, PDT Kuantan, PAID Jengka, PAID Temerloh, Sekolah Menengah Agama Al-Attas dan Sekolah Menengah Agama Al-Ihsan.
- b. Ketua Jabatan tidak melaksanakan Pemeriksaan Mengejut tidak kurang sekali dalam tempoh enam (6) bulan meliputi peti besi, bilik kebal, peti wang tunai, laci atau bekas-bekas untuk menyimpan wang, setem atau barang-barang berharga melibatkan 10 PTJ/PK iaitu Pejabat Hutan Daerah Jerantut, Pejabat Hutan Daerah Rompin, JPS Daerah Maran, JKR Daerah Pekan, Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah Maran, PAID Jengka, PAID Temerloh, PAID Muadzam Shah, Sekolah Menengah Agama Al-Attas dan Sekolah Menengah Agama Al-Ihsan.

- b. Penemuan Audit di PTJ/PK menunjukkan kelemahan di kawalan umum melibatkan keselamatan wang tunai/barang berharga serta ketidakpatuhan terhadap AP 309 memberi implikasi kehilangan wang awam/barang berharga. Selain itu, kelemahan ini juga berisiko terhadap penyalahgunaan kuasa di kalangan pegawai di PTJ/PK tersebut.
- c. Analisis Audit mendapati Perpustakaan Awam Daerah Bentong tidak mematuhi satu (1) kriteria dalam kawalan umum. Hasil analisis mendapati:
 - i. Ketidakpatuhan dalam kawalan umum melibatkan Ketua Jabatan tidak melakukan Pemeriksaan Mengejut sekurang-kurangnya sekali dalam tempoh enam (6) bulan meliputi peti besi, bilik kebal, peti wang tunai, laci atau bekas-bekas untuk menyimpan wang, setem atau barang-barang berharga.
 - ii. Ketidakpatuhan dalam kawalan umum bagi pejabat yang diaudit juga melibatkan keselamatan wang tunai/barang berharga serta ketidakpatuhan terhadap AP 309. Kelemahan ini memberi implikasi kehilangan wang

awam/barang berharga dan berisiko terhadap penyalahgunaan kuasa di kalangan pegawai di pejabat tersebut.

5.2.5. Kawalan Pengurusan Kenderaan Kerajaan


- a. Analisis Audit mendapati Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah Maran tidak mematuhi tiga (3) kriteria dalam kawalan pengurusan kenderaan kerajaan. Hasil analisis mendapati:
 - i. Ketidakpatuhan dalam kawalan pengurusan kenderaan kerajaan meliputi Buku Rekod Pergerakan Kad Inden diisi pada hujung bulan berdasarkan Penyata Kad Inden, Kad Sistem Bayaran Tol Tanpa Resit (KSBTTR) disimpan oleh pemandu dan Buku Rekod KSBTTR tidak diselenggara.
 - ii. Penemuan Audit menunjukkan kelemahan di kawalan pengurusan kenderaan kerajaan iaitu Buku Rekod Pergerakan Kad Inden tidak diselenggara, KSBTTR dipegang dan disimpan oleh pemandu serta buku rekod tidak diselenggara. Selain itu, kelemahan ini juga berisiko terhadap penyalahgunaan kenderaan kerajaan di kalangan pegawai di PTJ/PK tersebut.

6. SYOR AUDIT

Secara keseluruhannya, Pengauditan Mengejut di PTJ/PK dan pejabat yang diaudit boleh dipertingkatkan berdasarkan kepada bilangan pematuhan dalam kriteria bagi lima (5) kawalan yang diaudit. Ketua PTJ/PK dan pejabat yang berkenaan telah dimaklumkan mengenai perkara yang dibangkitkan dan tindakan penambahbaikan telah diambil seperti meningkatkan kawalan dalaman serta memastikan peraturan kewangan yang berkuat kuasa dipatuhi. Bagaimanapun, terdapat beberapa isu yang perlu diberi perhatian serius bagi meningkatkan dan memantapkan kawalan pengurusan kewangan di PTJ/PK dan pejabat agar isu yang dibangkitkan tidak berulang dan mengurangkan risiko ketidakpatuhan pada masa akan datang. Sehubungan itu, semua PTJ/PK dan pejabat di setiap Jabatan/Agensi Negeri hendaklah mengambil tindakan sewajarnya seperti berikut:

- 6.1. semua daftar dan rekod kewangan diselenggarakan dengan lengkap dan kemas kini;

- 6.2. perkara yang dibangkitkan diambil tindakan pembetulan dan pencegahan dengan segera;
- 6.3. mempertingkatkan seliaan terhadap kerja yang dilakukan oleh pegawai bawahan;
- 6.4. memberi latihan secara berterusan kepada pegawai yang terlibat secara langsung dalam urusan kewangan;
- 6.5. mengenakan tindakan punitif terhadap pegawai yang gagal melaksanakan tugas mengikut peraturan ditetapkan;
- 6.6. surat penurunan kuasa diberi kepada pegawai yang memegang kunci dan nombor kombinasi peti besi selaras dengan AP 125; dan
- 6.7. pemeriksaan mengejut diadakan mengikut kekerapan yang ditetapkan dan merekodkan hasil pemeriksaan dalam Daftar Pemeriksaan Mengejut selaras dengan AP 309.



• PENUTUP

PENUTUP

Secara keseluruhan, pengauditan yang dijalankan telah menunjukkan beberapa penambahbaikan dalam pelaksanaan program/aktiviti Jabatan/Agensi Negeri seperti penetapan asas-asas yang jelas dalam pelaksanaan projek/program. Namun begitu, kegagalan mengambil tindakan penambahbaikan yang segera akan menjejaskan pencapaian objektif projek/program secara keseluruhan. Selain itu, aspek pemantauan dan penyeliaan masih perlu dipertingkatkan dan dilakukan secara berterusan terhadap kerja-kerja yang dilaksanakan oleh pegawai kerajaan, kontraktor dan vendor.

Sehubungan itu, Jabatan/Agensi Negeri yang terlibat bukan sahaja perlu mengambil tindakan selepas mendapat teguran daripada pihak Audit, malah perlu bertindak dengan cepat sebaik sahaja masalah atau kelemahan itu dikenal pasti. Pegawai Pengawal perlu memastikan supaya pemeriksaan secara menyeluruh dijalankan untuk menentukan sama ada kelemahan yang sama berlaku di projek/program yang lain dan seterusnya mengambil tindakan pembetulan yang sewajarnya.

Agensi Kerajaan Negeri juga perlu memantau aktiviti syarikat miliknya untuk memastikan syarikat mewujudkan tadbir urus korporat yang baik, mematuhi undang-undang dan peraturan Kerajaan, berdaya saing serta memastikan objektif penubuhan syarikat tercapai sepenuhnya.

**Ketua Audit Negara
Malaysia**

**Putrajaya
24 Jun 2019**



• AKRONIM

AKRONIM

AI	<i>Artificial Insemination</i> /Permanian Beradas
AP	Arahan Perbendaharaan
BTB	Borang Terimaan Barang-barang
DIY-AI	<i>Do It Yourself – Artificial Insemination</i>
FMD	<i>Foot and Mouth Disease</i>
GAHP	<i>Good Animal Husbandry Practices</i>
IBVK	Institut Biodiversiti Veterinar Kebangsaan
INTOSAI	<i>International Organisation of Supreme Audit Institutions</i>
IP	Indikator Pencapaian
ISSAI	<i>International Standards of Supreme Audit Institutions</i>
JKR	Jabatan Kerja Raya
JPPJ	Jawatankuasa Perancangan dan Penyelarasan Jabatan
JPS	Jabatan Pengairan dan Saliran
JPVNP	Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Pahang
Kg	Kilogram
KPI	<i>Key Performance Indicator</i>
KSBTTR	Kad Sistem Bayaran Tol Tanpa Resit
MMKN	Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri
myGAP	<i>Malaysia Good Agriculture Practice</i>
OS	Objek Sebagai
PAID	Pejabat Agama Islam Daerah
PB	Pengurusan Bajet
PDT	Pejabat Daerah dan Tanah
PK	Perolehan Kerajaan
PK	Pusat Kos
PKC	<i>Palm Kernel Cake</i>
PKE	<i>Palm Kernel Expeller</i>
PPB	Projek Permanian Beradas
PPVD	Pejabat Perkhidmatan Veterinar Daerah
PSGT	Pusat Sumber Genetik Ternakan
PSPTENP	Pelan Strategik dan Program Transformasi Ekonomi Negeri Pahang
PTJ	Pusat Tanggungjawab
PWR	Panjar Wang Runcit
RMKe	Rancangan Malaysia Ke
SOP	<i>Standard Operating Procedure</i>
SSL	<i>Self Sufficient Level</i> / Tahap Sara Diri
TPA	Tatacara Pengurusan Aset
TPH	Tatacara Pengurusan Haiwan
TPS	Tatacara Pengurusan Stor



PNMB

DICETAK OLEH
PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD
KUALA LUMPUR, 2019
www.printnasional.com.my
email: cservice@printnasional.com.my
Tel.: 03-92366895 Faks: 03-92224773



JABATAN AUDIT NEGARA MALAYSIA

NO. 15, ARAS 1- 5

PERSIARAN PERDANA, PRESINT 2

PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN, 62518 PUTRAJAYA

www.audit.gov.my